
Dari Hati Kecil Kami



" Wahai golongan pemuda, sesiapa antara kamu yang mempunyai kemampuan, hendaklah ia berkahwin kerana kahwin itu dapat menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan diri..."

Wan Muhammad Izzat bin Wan Nor Anas Al-Kutawi

بسم الله الرحمن الرحيم

Dari Hati Kecil Kami

Wan Muhammad Izzat bin Wan Nor Anas al-Kutawi
Tahun Dua Pengajian Ijazah Sarjana Muda Usuluddin
Universiti Mu'tah, Jordan.

Kami tak nak bercinta,
Tak nak 'couple',
Tak nak buat maksiat,
Kami cuma nak kahwin!

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ...

Ertinya: wahai golongan pemuda, sesiapa antara kamu mempunyai kemampuan, hendaklah ia berkahwin kerana kahwin itu menundukkan pandangan dan menjaga kemaluan (kesucian dan kehormatan diri)…

[Al-Bukhari dan Muslim]

Dari Hati Kecil Kami

Pengarang: Wan Muhammad Izzat bin Wan Nor Anas al-Kutawi.

Cetakan pertama … Julai 2010
Cetakan kedua … Januari 2011

Diterbitkan oleh:

Daftar Kandungan

Kata Alu-aluan Presiden PERMATA

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله، نحمده ونستعينه، ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا، ومن سيئات أعمالنا، من يهده اللهُ فلا مُضِلَّ له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، أما بعد:

Tiada kata yang mampu terlafaz selain merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian hanya kepada zat Yang Maha Agung Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diutuskan oleh-Nya, ahli keluarga dan sahabat baginda sekalian.

Alhamdulillah, buku 'Dari Hati Kecil Kami' ini merupakan keluaran kedua Persatuan Mahasiswa Malaysia Mu'tah (PERMATA) sesi ini. Setelah saya melihat dan teliti susunan buku ini, saya merasakan ia amat bermanfaat untuk umat islam khususnya remaja dan ibu bapa tentang betapa pentingnya sebuah perkahwinan bagi anak-anak remaja.

Buku ini merupakan sebuah buku atau hadiah yang bernilai di mana kandungannya lebih merupakan ikhtiar untuk mereka yang mencari nasihat syariat yang sesuai untuk individu dan pada masa yang sama kita dapat memerhatikan situasi-situasi khusus yang mereka hadapi akibat pelbagai masalah luaran dan dalaman iaitu kombinasi amalan jahiliah, indoktrinasi barat, dan kurangnya islah nafsu.

Pada hari ini, kita dapat melihat gejala maksiat semakin berleluasa di mana-mana tanpa mengira waktu dan keadaan. Justeru, ini amat membimbangkan untuk mempertahankan kesejahteraan dan kesucian institusi kekeluargaan di kalangan orang-orang Islam. Semoga buku

‘Dari Hati Kecil Kami’ ini akan membendung sikap negatif yang telah merosakkan masyarakat Islam khususnya remaja kita. Oleh sebab` itulah, kita harus memahami dan menyedari peranan dan nilai sebuah perkahwinan dalam mengembangkan dan memajukan masyarakat Islam.

Akhir kalam, PERMATA amat mengharapkan usaha sebegini akan dirancakkan lagi oleh seluruh Ahli PERMATA, untuk menyemarakkan lagi perkongsian dan percambahan idea yang diterapkan dalam gaya penulisan yang kreatif dan bermotivasi.

‘PERMATA UNTUK SEMUA’

Sekian, wassalam.

Muhammad Hussin bin Mohd. Fauzi.

Presiden PERMATA 2010/11.

Pengantar

Alhamdulillah, kami memuji Allah, Tuhan kami. *Allahumma shalli 'ala Muhammad wa 'ala alih wa shahbih wa sallim*, kami berselawat dan mengucapkan salam kepada Muhammad, nabi kami.

Syukur kepada Allah *ta'ala* yang mengizinkan kami untuk menyiapkan bahagian kedua kandungan buku 'Dari Hati Kecil Kami' ini dengan dengan beberapa pembetulan kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam cetakan pertama.

Buku ini telah dicetak buat pertama kalinya di al-Obrah Press di Amman dan dipasarkan untuk mahasiswa-mahasiswa Malaysia di Universiti Mu'tah pada pertengahan tahun 1431 Hijrah bersamaan 2010 Masihi. Kami tidak berjaya menyiapkan buku ini selengkapnya dalam cetakan pertama ini. Kami hanya dapat menyempurnakan setakat bab Ancaman Kebinasaan bagi Sesiapa yang Memperlekah Ajaran Agama sahaja.

Kami sebenarnya berasa tidak tenang kerana kandungan buku tersebut hanya menyentuh seruan kepada perkahwinan tanpa dibincangkan secara terperinci tentang persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum berkahwin. Kami bimbang sekiranya matlamat sebenar seruan kami ini tidak tercapai disebabkan oleh keghairahan masyarakat mempraktikkannya tanpa melalui langkah-langkah yang betul.

Akhirnya, dalam masa lebih kurang empat bulan, kami diberi diizinkan oleh Allah *ta'ala* untuk menyiapkan buku ini selengkapnya sebagaimana yang telah dirancang; dengan kadar kemampuan yang dikurniakan oleh-Nya

kepada kami. Syukur kepada Allah atas segala nikmat kurniaan-Nya!

Cetakan pertama buku ini telah mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan pembaca. Ada yang mengucapkan tahniah dan amat bersetuju dengan tema buku ini. Ada yang membacanya dan menyimpan niat dalam hati untuk mengamalkannya. Tidak kurang juga yang mencari-cari kesalahan buku ini. Ada juga yang tidak bersetuju.

Kepada Allahlah tempat kami kembali. Tugas kami hanya menyampaikan. Hendak terima atau tidak terpulang kepada diri masing-masing.

Usah ditanya mengapa kami mengarang buku ini kerana kami tidak mahu menipu kalau kami mengatakan bahawa kami ikhlas melakukannya kerana Allah dan tidak pula ingin menconteng arang pada muka sendiri kalau kami memberikan jawapan lain. Sememangnya, kami sebagaimana orang lain ingin amalan-amalan kami ini memberi kebaikan kepada kami untuk dunia dan akhirat kami. Doakan supaya kami dikurniakan keikhlasan niat dan ketulusan hati sehingga amalan kami ini diterima oleh Allah.

Di sini, kami perturunkan serba sedikit berkenaan sinopsis buku ini. Dimulakan dengan bab Isy, Dahsyatnya Umatku pembaca dibawa kepada permasalahan sosial yang menimpa muda-mudi dan persoalan perkahwinan sebagai penyelesaiannya. Dalam bab Tapi…, kami bincangkan perkara-perkara yang menghalang pelaksanaan penyelesaian itu.

Seterusnya, kami gagaskan penyelesaian kepada setiap halangan tadi dalam bab Tiada Alasan Lagi!; disusuli dengan perbincangan tentang kesan yang akan berlaku

sekiranya cadangan tersebut diterima atau ditolak dalam bab Kalau… Untuk mengelakkan kekeliruan tentang hukum perkahwinan yang asal akibat gesaan kami, kami huraikan masalah ini menurut mazhab-mazhab *fiqh* terutamanya mazhab al-Syafi'i dalam bab Bukan Semuanya Sama.

Dalam bab Tunggu Dulu! pula kami nyatakan persediaan-persediaan sebelum perkahwinan. Akhirnya, kami sudahi buku ini dengan bab Selamat Pengantin Baru yang kami isi dengan nasihat-nasihat untuk bakal-bakal suami dan isteri.

Selepas kami siap menyunting buku ini, kami dinasihatkan oleh Presiden Persatuan Mahasiswa Malaysia Mu'tah (PERMATA) untuk memperkemas lagi nota kaki dengan menyertakan sumber rujukan secara terperinci. Dengan mengambil masa lebih kurang sebulan, kami berjaya menyiapkannya. Tetapi, sumber rujukan yang dapat kami nyatakan mungkin mempunyai banyak kesilapan teknikal seperti berlainan dengan sumber rujukan asal dalam bentuk buku kerana kami banyak menggunakan rujukan yang telah dipindahkan ke dalam bentuk elektronik; yang kadang-kadang berbeza dengan sumber asal dari segi penomboran hadis dan halaman.

Perkara-perkara lain pula insya-Allah akan kami jelaskan dalam cetakan yang akan datang atau dalam blog kami: http://alkutawisyah.blogspot.com. Ralat dan pembetulan buku ini insya-Allah akan kami terbitkan dalam blog tersebut.

Sudah tentu, kami juga manusia! Jika terdapat apa-apa kemusykilan, komen, atau apa-apa yang dirasakan perlu, sila ajukan kepada kami melalui alamat e-mel alkutawi_01@yahoo.com.my.

Sebelum kami melangkah kaki mengundur diri, kami mohon maaf dan silap atas segala kesalahan dan kesilapan kami. Kami insan yang amat lemah dan banyak dosanya. Doakan kami agar diampuni oleh Allah dan dikurniakan jodoh yang terbaik untuk kehidupan dunia dan akhirat kami.

Wassalamu'alaikum.

Wan Muhammad Izzat bin Wan Nor Anas al-Kutawi,
Pelajar Tahun Dua,
Fakulti Syariah Jurusan Usuluddin,
Universiti Mu'tah.[1]

[1] Disempurnakan di Bait Kesik Bharu, Mu'tah, al-Karak, Jordan pada 13 Zulkaedah 1431 Hijrah bersamaan dengan 12 November 2010 Masihi.

Pengantar Cetakan Pertama

Alhamdulillah, puji-pujian yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah *subhanahuwata'ala*. Selawat serta salam ditujukan khas buat Nabi Muhammad *shallahu'alaihiwasallam*, penutup sekalian nabi dan rasul.

Saya bersyukur kepada Allah *ta'ala* yang mengizinkan saya menerbitkan buku yang saya namakan 'Dari Hati Kecil Kami' ini. Tanpa izin dan limpah kurnia-Nya, tidak mungkin buku kecil ini dapat hadir di hadapan para pembaca. Dalam buku ini, saya curahkan segala kemampuan saya untuk memahamkan umat Islam khususnya remaja dan ibu bapa tentang peri pentingnya perkahwinan bagi remaja.

Selepas meneliti ayat-ayat Allah, sabda-sabda Rasulullah *shallahu'alaihiwasallam*, serta kalam-kalam para ulama, saya bertambah yakin bahwa anggapan saya selama ini bahawa perkahwinan adalah satu penyelesaian bagi masalah yang menimpa sebahagian besar remaja Islam pada hari ini adalah benar. Dengan keyakinan ini, saya karang buku ini. Harap-harapnya, buku ini dapat mencetuskan satu perubahan dalam kalangan ummah; dengan izin-Nya.

Sebenarnya, sudah lama telah saya mulakan penulisan buku ini iaitu sejak bulan Sya'ban 1430 Hijrah, hampir setahun yang lepas ketika masih berada di Malaysia. Namun, oleh sebab beberapa masalah, sehingga saat ini buku ini belum dapat disiapkan mengikut perancangan. Naskah yang ada pada tangan pembaca yang budiman hanyalah separuh daripada rancangan penulisan saya berkenaan subjek ini.

Antara perkara yang masih belum mampu saya tulis adalah tentang persediaan-persediaan remaja sebelum memasuki gerbang rumah tangga dan perbincangan panjang tentang golongan yang terpaksa membujang kerana sebab-sebab tertentu. Insya-Allah, perkara-perkara ini akan saya bincangkan dalam buku yang berasingan atau saya sertakan dalam cetakan yang akan datang.

Topik-topik yang belum sempat disiapkan itu sebenarnya amat mustahak untuk dibaca untuk mengelakkan galakan supaya berkahwin dipraktikkan secara membuta tuli. Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam buku ini, Islam adalah agama yang berpakej. Di sana terdapat banyak lagi perkara yang termasuk dalam pakej ini yang perlu dilakukan. Jika perkara ini tidak diambil perhatian, perkahwinan remaja akan menjadi masalah baharu kepada umat Islam!

Sebagaimana kata-kata yang masyhur dalam kalangan ulama sebagai menjawab persoalan mengapakah tidak ada satu pun karya manusia yang sempurna dan tidak mempunyai sebarang kesalahan dan kecacatan, "Allah ingin supaya tidak ada kitab yang sempurna selepas kitab-Nya," maka saya awal-awal lagi mengaku bahawa buku ini mempunyai seribu satu kekurangan. Justeru, saya ucapkan berbanyak-banyak kemaafan atas kekurangan ini. Bersama dengan ini saya sertakan alamat blog saya: http://alkutawisyah.blogspot.com supaya pembaca-pembaca sekalian dapat melawatinya kerana sebarang ralat dan pembetulan insya-Allah akan saya nyatakan dalam blog tersebut.

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin sampaikan harapan supaya saudara pembaca sekalian dapat mendoakan saya, ibu bapa, kakak, adik-adik, guru-guru, sahabat-sahabat,

dan orang-orang yang kami sayangi diredhai dan diampuni Allah *ta'ala*. Doakan juga supaya zaman bujang saya akan ditamatkan tidak lama lagi dengan pertemuan dengan seorang seorang puteri solehah bakal bidadari syurga.

Selawat dan salam diucapkan buat junjungan besar Nabi Muhammad *shallahu'alaihiwasallam* sebagai penutup kata pengantar saya kali ini; juga puji-pujian hanya untuk Tuhan sekalian alam.

Wassalamu'alaikum.

Wan Muhammad Izzat bin Wan Nor Anas al-Kutawi,
Pelajar Tahun Satu,
Fakulti Syariah Jurusan Usuluddin,
Universiti Mu'tah.[2]

---

[2] Ditulis di Bait Kesik, Mu'tah, al-Karak, Jordan pada
13 Rejab 1431 Hijrah bersamaan dengan 25 Jun 2010 Masihi.

Penghargaan

Penghargaan yang tidak terhingga buat ayahanda dan ibunda tercinta; Wan Nor Anas bin Wan Yusoff dan Siti Malian binti Awang Lah, semoga Allah mengampuni ibu dan abah serta melimpahkan rahmat-Nya kepada ibu dan abah sebagaimana ibu dan abah mengasuh abang semasa abang kecil dahulu, kakanda dan adik-adik; Wan Nur Izzati, Wan Muhammad Izzul, Wan Muhammad Izzuddin, Wan Muhammad Izzrusyaidi, Wan Muhammad Irsyad, dan Wan Nur Izzah. Khusus kepada kakanda Izzati dan adinda Izzul, abang ucapkan selamat meniti usia remaja dan semoga bertemu teman hidup yang terbaik.

Penghargaan ditujukan juga kepada guru-guru yang mengajar dan mendidik diri ini daripada membaca, menulis, dan mengira sehingga dapat menelaah kitab dan mengarang buku sendiri khususnya Dr. Amin al-Buthusy, Dr. Mushthafa Abu Zaid, Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dan Ustaz Nik Abdul Rahim bin Nik Abdul Ghani. Juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Haszarah, Cikgu Zalini, Ustazah Norhayati, Ustaz Roslim, Ustaz Radzi, Cikgu Nafisah, Cikgu Wan, Ustaz Amran, serta puluhan guru-guruku yang tidak tercatat namanya di sini; guru-guru di tadika, Sekolah Rendah Islam (SRI) ABIM al-Hikmah, SRI Annur, Kolej Sains dan Teknologi al-Quran (KOSTAQ) Besut dan Dungun, Sekolah Menengah Ugama (Arab) Sullamiah, dan di tempat-tempat lain.

Tidak dilupakan juga sahabat-sahabat yang amat dikasihi; Umar Muhammad, Zulfadhli Razi, Shakir Faleh Lai, Junaid Yusoff, Sharif Hj. Tahir, Asyraf Mashasan, Faris Ainan, Abdullah Ismail, Khomeini Kamal, Aisyah Romli, Afif Badrol, Sumaiyah al-Haddad, Sobri Faisal, Kak Mardhiah

Abdul Malik, Abang Nasrullah Azizan, Abang Faiz Tanzizi, Abang Nadhir Othman, Abang Shukran, dan Abang Fikri bersama ayahanda kesayangannya.

Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam menghasilkan buku ini. Semoga Allah membalas segala jasa kalian dengan sebaik-baik ganjaran.

Isy, dahsyatnya!
Kedahsyatan Fitnah Cinta dan Zina
Abad ke-21

Megah Tiada Dara

Oleh: Fuad Hadinata Yaacob dan Shamran Sarahan.

KUALA LUMPUR: Mengaibkan apabila semakin ramai remaja perempuan beragama Islam di negara ini kehilangan dara pada usia muda. Lebih membimbangkan, segelintir mereka berbangga dengan status itu dan beranggapan remaja yang masih dara sebagai kelompok ketinggalan zaman. Hasil temu bual Metro Ahad dengan sekumpulan remaja yang pernah terjerumus dalam pelbagai gejala sosial juga mendapati, ada remaja yang kini berusia 15 tahun memberitahu kali pertama mereka melakukan hubungan seks ketika berusia 10 tahun.

Ada juga yang mengaku seawal usia lapan tahun, mereka mula merokok, minum arak dan mengambil dadah jenis syabu. Ikuti pengakuan mereka yang ditemu bual Fuad Hadinata Yaacob dan Shamran Sarahan.

MIRA, 15, dari Johor

“PERTAMA kali saya melakukan hubungan seks ketika di tahun lima. Pasangan saya ialah teman lelaki saya ketika itu. Masa itu saya tak tahu apa-apa tetapi ia berlaku sekali saja. Masuk tingkatan satu, saya lakukan sekali lagi bersama teman lelaki juga.

Sejak itu, seminggu dua atau tiga kali saya buat. Ketika tingkatan tiga, saya mula bertukar pasangan. Pernah saya buat dengan dua lelaki sekali gus.

Apabila sudah kerap, saya jadi ketagih. Jika dulu teman lelaki tolong puaskan tetapi bila dia tiada, saya cari orang lain, termasuk juga yang baru sehari kenal.

Rumah dan hotel antara tempat saya memuaskan nafsu dan seingat saya, pernah 20 lelaki menjadi pasangan saya pada satu masa. Bila ketagih, saya cari lelaki yang ada masa lapang. Jika tidak, saya ke bandar bersama rakan, cari lelaki yang boleh jadi mangsa.

Malah, saya buat jadual untuk aktiviti ini. Pagi ke sekolah dan petang saya lakukan aktiviti merosakkan ini. Sabtu dan Ahad saya khaskan untuk teman lelaki, manakala Selasa dan Rabu untuk lelaki lain. Khamis dan Jumaat pula dengan rakan dan ada juga dengan lelaki lain.

Cuma Isnin saya berehat di rumah kerana tidak mahu aktiviti saya diketahui keluarga. Kebanyakan pasangan saya berusia 20 tahun ke atas dan bekerja. Jika saya lakukan hubungan seks bersama rakan sekolah, pasti kegiatan saya mudah terbongkar.

Di kalangan kira-kira 20 kawan perempuan saya, saya percaya 17 sudah tiada dara. Ini satu kebanggaan buat kami. Siapa yang masih ada dara akan kami kutuk dan pulaukan. Ada juga sebelum ini masih dara tetapi selepas dipengaruhi, mereka terjebak dan turut menggadaikan tubuh.

Bagi yang enggan lakukan seks, kami pulaukan dan hasut mereka melakukan seks dengan mana-mana lelaki. Saya berani kata situasi ini seperti satu trend di kalangan

kami, malah sesiapa yang berkawan dengan mat rempit dipandang hebat.

Sikap cabar-mencabar ini menyebabkan ramai remaja rosak akhlak, tidak kira lelaki atau perempuan. Remaja lelaki juga ramai yang tiada teruna kerana mudah dapat ‘awek’ seperti saya.

Saya kini ketagih, malah sehari pernah buat sampai lima kali bersama lima lelaki berasingan. Kali terakhir sebelum PMR pada Oktober lalu dan kini saya masih cuba bertahan. Semuanya berpunca daripada pergaulan bebas saya bersama rakan.”

NANI, 16, dari Kuala Lumpur

“SAYA mula mengenali seks tahun lalu apabila menjadi mangsa kerakusan teman lelaki ketika saya tinggal bersamanya selama tiga hari selepas keluar rumah. Sejak itu, saya mula ketagih seks.

Apabila ketagih datang, saya melakukan onani untuk memuaskan diri sendiri, sama ada di tandas sekolah atau rumah. Ada ketika saya tak mampu tahan sehingga menawarkan diri kepada lelaki, tetapi bukan rakan sekolah.

Sekurang-kurangnya, sekali sehari saya melakukan seks. Ada lelaki yang saya kenal dua ke tiga minggu, terus saya ajak lakukan seks.

Insaf

عَامَّةُ أَهْلِ النَارِ النِسَاءِ

Kebanyakan ahli neraka terdiri daripada golongan perempuan. [Sunan al-Nasa’i al-Kubra (9266); disahihkan oleh al-Albani]

Malah pernah saya pelawa seorang lelaki bangsa lain yang saya baru kenal beberapa minit. Sukar untuk memuaskan ketagihan saya. Malah saya pernah melakukan seks bersama lima lelaki, namun masih tidak puas.

Apabila ketagih, saya hubungi mana-mana lelaki yang saya kenal dan ajak mereka lakukan seks. Biasanya rumah atau hotel murah menjadi lokasi pilihan saya untuk melampias nafsu. Pernah juga saya lakukan seks di tepi tasik pada waktu tengah hari kerana tidak mampu tahan gelora nafsu.

Saya cuba bertahan daripada melakukan perbuatan terkutuk ini, namun tidak mampu. Perkara ini masih berterusan dan kali terakhir saya melakukannya dua minggu lalu."

ANIS, 15, dari Negeri Sembilan

"SAYA mula terbabit dengan rokok, arak dan dadah sejak darjah dua. Semuanya kerana pengaruh mat rempit. Melalui mereka juga, saya mula kenal syabu. Selain itu, saya kerap keluar bandar ikut mereka dan mengikuti perlumbaan haram. Selepas menang, kami minum arak beramai-ramai dan bila mabuk, kami melakukan seks.

Siang saya sekolah seperti biasa dan petang saya keluar. Saya pernah bekerja di kedai makan dengan gaji RM60 sehari. Duit ini saya beli syabu yang dibekalkan teman lelaki dan apabila sudah kena, saya tidak tidur dua ke tiga hari.

Pernah saya tidak tidur lebih sebulan angkara syabu. Dalam tempoh itu saya bekerja di kedai makan ini dari

petang sampai jam 3 atau 4 pagi setiap hari. Dapat duit, saya ‘enjoy’ dan ‘make up’ (mencantikkan) motosikal.

Ramai rakan sebaya saya boleh dikatakan tiada dara. Bagi kami, dara tidak penting lagi, yang penting seronok dan gembira. Sesiapa yang ada dara akan diperlekehkan.”

SARAH, 15, dari Selangor

“TIADA istilah ‘suci’ atau masih dara di kalangan saya dan rakan. Malah, kami mengutuk rakan yang tiada teman lelaki dan masih dara. Apa salahnya kalau saya dan rakan mahu berseronok dan melakukan hubungan seks ketika masih muda?

Di sekolah sekitar Klang, saya sering melakukan hubungan seks bersama rakan lelaki, terutama di kalangan pelajar tingkatan empat dan lima. Pada mulanya saya tidak berani, tapi perasaan itu hilang semata-mata tidak mahu dikutuk rakan.

Saya anak sulung daripada empat adik beradik. Saya tidak suka dipanggil budak perawan di kalangan rakan. Ketika di tingkatan dua, saya berkenalan dengan seorang pelajar lelaki tingkatan empat. Bersamanya, saya mula berjinak-jinak dengan seks. Saya kerap melihat video klip lucah dalam telefon bimbit rakan.

Insaf

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَثْبُتَ الْجَهْلُ وَيُشْرَبَ الْخَمْرُ وَيَظْهَرَ الزِّنَا

Sesungguhnya antara tanda-tanda kiamat ialah: ilmu diangkat, kejahilan berleluasa, arak diminum, dan merebaknya perzinaan.
[Al-Bukhari (80) dan Muslim (6956)]

Kali pertama saya dan teman lelaki lakukan hubungan seks di sebuah stor di sekolah. Akibat ketagihan, kami kerap lakukan hingga di luar sekolah, sama ada di rumah atau hotel murah.

Dalam pada itu, saya juga mula berasa bangga dan rakan pula tidak lagi boleh memperkecilkan saya. Namun tanpa disedari, saya tersilap langkah terlanjur dengan teman lelaki. Selepas setahun berkenalan, saya disahkan mengandung. Kini saya bergelar ibu. Tidak sangka jadi begini, daripada seronok bertukar menjadi mimpi ngeri buat saya."

NIZA, 16, dari Pahang

"SEBAGAI bukti cinta kepada kekasih, saya serahkan kesucian (dara) saya kepadanya. Kami menjalin hubungan sejak dua tahun lalu ketika di tingkatan dua dan kerap melakukan hubungan seks jika berpeluang bersama.

Kami terlanjur ketika baru saling mengenali selama dua hari. Ketika itu dia berusia 19 tahun dan bekerja. Mulanya memang saya takut melakukannya, tapi dia mendesak dan menyatakan dia sayangkan saya.

Akhirnya saya tewas dengan pujukan dan sanggup menyerahkan tubuh. Sejak itu saya mula seronok ketika bersamanya. Apabila tamat waktu sekolah, dia datang ambil saya. Ketika itu, jika ada ruang dan peluang, kami melakukan hubungan seks, tidak kira di mana. Pernah kami lakukannya di kawasan ladang dan semak di kawasan kampung saya (perkampungan Felda sekitar Kuantan, Pahang).

Selepas lama bersama, saya disahkan mengandung pertengahan tahun ini. Saya tidak menyesal menyerahkan tubuh kepadanya, walaupun sekarang kami sudah lama tidak berhubung."[3]

Tanjung Harapan Dicemari Maksiat

Pelabuhan Klang: Tanjung Harapan di sini yang terkenal sebagai destinasi percutian keluarga satu ketika dahulu sepi setelah kawasan tersebut dijadikan tempat memadu kasih padangan bercinta dari pagi hingga ke malam.

Perlakuan kurang sopan pasangan kekasih di pusat peranginan itu menyebabkan ibu bapa malu untuk datang bersama anak-anak.

Lebih teruk lagi, disebabkan tiada pengunjung seperti sebelum ini, Tanjung Harapan semakin terbiar tanpa pengurusan yang teratur.

Seorang pekerja di Pelabuhan Utara, Ashraf Mat Shah, 45, memberitahu keadaan Tanjung Harapan dahulu dan sekarang amat berbeza lebih-lebih lagi dengan kedatangan pasangan yang memadu kasih di situ.

"Pasangan kekasih ini tanpa segan silu bercumbu dan berpelukan tanpa menghiraukan orang ramai," katanya.

Tambah beliau lagi, kemudahan awam seperti tandas juga tidak dapat diguna kerana sering dikunci.

[3] Artikel yang disiarkan dalam akhbar Metro Ahad pada bulan Januari 2009.

“Pantainya pula semakin kotor terutama sekali apabila surut,” jelasnya.

Seorang lagi pengunjung, Zulkifli Mohd. Yusuf memberitahu Tanjung Harapan hanya menjadi perhatian apabila terdapat aktiviti di situ.

“Jika ada aktiviti seperti pertandingan memancing, barulah ramai pengunjung,” katanya.[4]

Empat Lagi Kes Buang Bayi
Oleh: Rohaniza Idris dan Umi Nadirah Abdul Rahman

KUALA LUMPUR: Belum sampai 24 jam Kabinet memutuskan kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh dan percubaan membunuh, empat lagi kes pembuangan bayi dilaporkan dalam tempoh itu. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, menerima maklumat tiga kes pembuangan bayi dilaporkan di Kelantan, Melaka dan Kuala Lumpur. Satu lagi kes dilaporkan di Johor Bahru. “Semua pihak mesti serius dan tidak lepas tangan berhubung kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa.

“Isu ini jika tidak ditangani segera mengakibatkan kehancuran nilai agama dan budaya dalam masyarakat pada masa depan.

“Ini tanggungjawab bersama ibu bapa, keluarga, masyarakat dan pemimpin. Jangan ambil kes ini sambil lewa,” katanya kepada pemberita selepas melawat Wad Bersalin Hospital Kuala Lumpur (HKL).

---

[4] Artikel yang disiarkan dalam akhbar Kosmo! padabulan September 2010.

Dalam kejadian di Johor Bahru, seorang penjala ikan, Mohd Moh Othman, 60, terkejut menemui mayat bayi yang tidak diketahui jantinanya dalam bakul di pinggir laut berhampiran Jalan Datuk Onn, kira-kira jam 5 petang kelmarin.

“Sekali pandang, bayi berkenaan cukup sifat dan masih bertali pusat. Saya buntu sebaik melihat mayat itu dan membuat laporan polis selepas disuruh ahli keluarga,” katanya.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Zainuddin Yaacob mengesahkan kejadian itu dan polis sedang menjalankan siasatan.

Sementara itu, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati purata tiga bayi dibuang setiap dua minggu di negara ini sepanjang 2007 hingga April lalu, membabitkan 312 kes.

Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Mohamed Fadzil Che Din, berkata perangkaan itu mungkin lebih tinggi kerana ia yang disenaraikan itu hanyalah kes yang dilaporkan kepada JKM.

Insaf

..لاَ يَأْتِي عَلَيْكُمْ زَمَانٌ إِلاَّ الَّذِي بَعْدَهُ شَرٌّ مِنْهُ حَتَّى تَلْقَوْا رَبَّكُمْ

Tidak akan datang kepada kalian satu zaman kecuali zaman yang sesudahnya adalah lebih buruk daripadanya sehinggalah kamu menemui Tuhan kamu.
[Al-Bukhari (7068)]

Statistik kes pembuangan bayi dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan 396 kes

dicatatkan dari 2005 hingga tahun lalu. Ia menunjukkan trend peningkatan walaupun ada penurunan pada 2007. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada 2005, 83 kes (2006) yang menurun kepada 65 kes pada 2007, 102 kes (2008) dan 79 kes (2009).

Sebilangan besar individu yang terbabit dalam kes pembuangan bayi berusia antara 18 hingga 25 tahun, 20 kes membabitkan individu berusia bawah 18 tahun, 33 dilakukan individu 25 tahun ke atas, manakala 403 individu lagi gagal dikesan peringkat umur mereka.

Daripada jumlah 396 kes itu, 137 kes membabitkan pembuangan bayi lelaki, 102 bayi perempuan dan selebihnya tidak diketahui jantina.

Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi 2000 hingga 2008 pula, 257,000 kanak-kanak didaftarkan tidak mempunyai nama bapa.

Lebih menyedihkan bagi tempoh 1999 hingga 2003 saja, 44 peratus anak yang tidak mempunyai nama bapa adalah anak orang Islam iaitu 30,978 daripada 70,430 kanak-kanak yang didaftarkan.

Dalam perkembangan berkaitan Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi dan Pakar Runding Kanan HKL, Datuk Dr J Ravindran, berkata kes wanita melahirkan anak luar nikah di hospital terbabit mencatatkan peningkatan pada tahun ini berbanding tahun lalu.

“Tahun lalu 392 wanita melahirkan anak luar nikah. Daripada itu, 62 adalah berumur bawah 18 tahun. Pada tahun ini terdapat penambahan kes iaitu sehingga bulan Julai,

terdapat 301 kes termasuk 34 kes bawah umur 18 tahun," katanya.[5]

***

Isy, dahsyatnya umatku!

Rasa-rasanya, sudah cukup kita ambil iktibar dengan apa yang berlaku kepada artikel-artikel akhbar di atas. Inilah citra dunia akhir zaman kita.

Hm… Siapalah yang masih dara dan teruna pada zaman sekarang ni ya? Siapalah yang masih boleh bertahan dalam keadaan dunia yang 'menggila' ini?

Lantas, apakah tindakan kita dalam membasmi jenayah zina ini? Adakah sekadar menunggu gerakan Islam memerintah negara dan melaksanakan hukum hudud? Atau sekadar menghantar anak-anak ke sekolah agama yang juga sudah dilanda wabak zina? Atau bagaimana?

> **Insaf**
>
> مَا تَرَكْتُ بَعْدِي فِتْنَةً أَضَرَّ عَلَى الرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ
>
> Aku tidak tinggalkan selepasku satu fitnah yang lebih berbahaya terhadap kaum lelaki daripada fitnah godaan wanita.
> [Al-Bukhari (5096) dan Muslim (6121)]

Ini kisah muda-mudi biasa, remaja jalanan, belum lagi cerita remaja dakwah. Sememangnya remaja dakwah tidak terbabit dengan perzinaan tetapi mereka terbabit dengan cinta. CINTA. Remaja dakwah sama ada berkopiah atau berserban sama sahaja. Berbicara tentang cinta adalah

[5] Artikel yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian pada Ogos 2010.

rutin. Nama *syabab* itu nama *akhawat* itu terus disebut-sebut. Ustaz-ustaz di dalam kuliah-kuliah di masjid juga begitu; kerap bercakap tentang jimak dan bermadu. Mengapa?

Bicara-bicara cinta dan nikah kahwin selalu ada dalam majalah, akhbar, dan program TV dan radio. Ramaja dakwah pun tidak dapat lari daripadanya. Artikel-artikel dalam laman-laman sesawang Islamik tidak putus-putus mengutarakan bab cinta. Di sekolah, pelajar-pelajar bermain cinta. Kasih-kekasih biasa saja. Di IPT pun, cinta tetap menjadi topik utama. Dewan sendat dengan hadirin kalau cinta menjadi tajuknya. Novel yang dibaca pun bertemakan cinta. Ayat-ayat Cinta dan Ketika Cinta Bertasbih, siapa tak kenal? Filem-filem Islamik pun sama, cinta adalah yang paling utama. Filem Ayat-ayat Cinta misalnya, sebuah filem yang kononnya Islamik, melebih-lebihkan soal cinta daripada ajaran agama sehingga malahan mengetepikan agama sama sekali![6]

Kalau cinta kegemaran remaja dakwah, gejala memuja-muja cinta pula berlaku dalam kalangan remaja-remaja lain. Boleh dikatakan 95% lagu, novel, drama, dan filem berkisar tentang cinta. Cintalah segala-galanya bagi mereka. Hidup mati mereka untuk cinta. Cinta semata-mata. Kerana cinta, rela korbankan segala-galanya.

Kerana cintakah kalian diciptakan?

Pendek kata, generasi muda Muslim kini diserang penyakit cinta dan zina dan kini dalam keadaan yang

---

[6] Pada hemat kami, filem Ayat-ayat Cinta dan Ketika Cinta Bertasbih juga melanggar batas-batas syarak. Antaranya kerana memaparkan wanita yang mendedahkan aurat.

kritikal. Ubatnya hanya satu, kembali kepada Islam dengan sebenar-benarnya. Islam ada caranya!

Dari Hati Kecil Kami: Malu Tapi Mahu

Bagi mereka yang bertakwa, keadaan dunia yang penuh dengan pancaroba tidak lagi selamat bagi agama mereka. Mereka perlukan langkah berjaga-jaga. Tersilap langkah boleh menjerumuskan mereka ke lembah perzinaan.

Harus diingat, zina bukan setakat mengadakan hubungan kelamin dengan lawan jenis tetapi lebih daripada itu.

Memandang wanita dan lelaki ajnabi zina. Bercakap dengan mereka pun zina. Berfikir tentang mereka pun zina. Pegang-pegang lagi-lagilah zina.[7]

Maka, lelaki manakah yang mampu menahan mata daripada melihat perempuan-perempuan yang bertebaran di mana-mana hatta dalam rumah sendiri? Betina manakah yang sanggup pejam daripada menatap wajah-wajah *hensem* jantan dalam TV, surat khabar, majalah, atau ustaz yang mengajar bab nikah di dalam kelas?

Mulut manakah yang suci tidak pernah menyebut perkataan ‘cinta’ dan ‘kahwin’? Lidah mana belum pernah bercakap dengan perempuan? Fikiran siapa yang masih dara

[7] Berdasarkan mafhum hadis Rasulullah SAW: maka, dua belah mata zinanya adalah memandang, dua belah telinga zinanya adalah mendengar, lidah zinanya adalah kata-kata, tangan zinanya adalah memegang, kaki zinanya adalah melangkah… Diriwayatkan oleh Muslim (6925).

belum berfikir tentang seks? Kalau ada, sudah tentu orang itu bukan manusia biasa, tapi wali *abdal*!

Justeru, mereka yang bertaqwa runsing dengan semua ini. Mereka cuba memejamkan mata daripada memandang; menahan mulut daripada bercakap; dan mengelakkan diri daripada berkhayal tentang yang haram itu tapi mereka manusia; lemah dan tidak berdaya. Nafsu syahwat itu fitrah. Mereka berusaha mencegahnya, tapi…

Umpama syair yang digubah:

أُرِيدُ لِأَنْسَى ذِكْرَهَا فَكَأَنَّمَا تَمَثَّلَ لِي لَيلَى بِكُلِّ سَبِيلٍ

Aku ingin melupakannya daripada ingatanku; tetapi Laila tetap menjelma kepadaku dengan segala cara.[8]

Usia 17 hingga 25 tahun adalah kemucak syahwat bagi remaja. Tempoh tersebut bermula selepas baligh beberapa lama. Masa itulah remaja mula mengenal cantiknya wanita, tampannya lelaki, seronoknya bercinta, dan… Masa itu jugalah mereka diuji dengan godaan-godaan yang mewarnai dunia sekeliling. Jika bernasib baik, mereka berjaya melepasinya tetapi lazimnya remaja terjatuh juga ke lembah maksiat itu.

Kalau di Barat, remaja-remaja mereka memuaskan nafsu syahwat mereka dengan berzina[9] tapi remaja-remaja Islam tidak akan dapat melakukannya. Suka atau tidak, mereka terpaksa menahan gelora dalam hati yang membuak-

---

[8] Dinukilkan oleh Ibn al-Qayyim dalam Jala' al-Afham fi Fadhl al-Shalah 'ala Khair al-Anam, halaman 448.

[9] Kajian yang dilakukan oleh *National Survey on Sexual Attitudes and Lifestyles* mendapati, seorang daripada empat orang wanita dan seorang daripada tiga orang lelaki di Britain mengadakan hubungan seks sebelum umur mereka mencapai 16 tahun. [Quran Saintifik oleh Dr. Danial Zainal Abidin]

buak bak ombak. Habis usia remaja mereka dengan semua ini.

Tanpa disedari orang, siang malam mereka berteriak: kami nak kahwin! Tapi, suara mereka tidak didengari. Kalau didengar pun tidak dipeduli. Suara apakah itu?

Itulah suara dari hati kecil kami.

Tapi…

Insaf

SAYA pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berusia 22 tahun… Saya mempunyai kekasih dan dia tidak mempunyai pekerjaan tetap… Buat pengetahuan Dr, kami sudah berulang kali terlanjur. Saya ada menyatakan hasrat untuk berkahwin bagi mengelakkan kami terus dibelenggu dosa dan dia bersetuju. Namun, apabila saya menyuarakan hasrat untuk berkahwin, keluarga menentang dengan alasan saya masih belajar dan kekasih tidak mempunyai pekerjaan tetap… Saya berulang kali memujuk keluarga tetapi tidak berhasil. Saya dan kekasih cuma inginkan hubungan yang halal bagi kami dan ingin mengakhiri episod dosa yang kami lakukan. http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Engganterusberzina/Article/index_html

Halangan Ibu Bapa

Ibu bapa dua insan yang berjasa. Sejak kita dilahirkan sehingga hari ini, mereka tetap menyediakan segala keperluan hidup kita. Makan, minum, pakaian, tempat tinggal, dan pelajaran, semuanya diberikan kepada kita. Mereka amat menyayangi kita. Tak terhingga kasihmu, ayah, ibu!

Namun, sayangnya ibu bapa tidak mengerti isi hati anak-anaknya. Mereka tidak tahu bahawa anak-anak mereka perlukan pasangan untuk menghadapi cabaran dunia pada hari ini. Mereka tidak berusaha untuk bertanya tentang perkara ini. Yang lebih menyedihkan hati, mereka tidak membenarkan anak-anak berkahwin setelah anak-anak mereka menyuarakan hasrat hati mereka ini.

Sedihnya…

Masyarakat Islam di sini jahil, begitu juga di negara-negara Arab. Kalau tidak jahil pun, mereka tahu tapi terikut-ikut dengan adat moden yang entah dari mana asalnya.

Di Malaysia ketika dulu, umur berkahwin sangat awal berbanding sekarang walhal masa itu teknologi media yang merupakan faktor dominan dalam pembudayaan cinta dan seks belum secanggih apa yang wujud kini. Artis-artis seksi pun tidak ramai. Wayang gambar pun hitam putih. Lagu-lagu cinta masih kurang. Gosip-gosip artis pun belum berkembang baik. Internet belum dikenal. Pendek kata, pengaruh cinta dan seks belum sehebat hari ini.

Dalam belasan tahun, sudah berkahwin. Umur mencecah dua puluh tahun, sudah beranak-pinak. Umur masuk lima puluh, sudah mempunyai cucu-cicit. Semua itu, cerita dulu-dulu. Barang yang lepas, jangan dikenang!

Zaman *millenium*. Tradisi yang baik itu mula berubah. Pandangan masyarakat terhadap kahwin pada usia muda menjadi beranjak jauh.

"Mana boleh, kena habis belajar dulu!"

"Engkau nak anak aku makan pasir ke?!"

"Kahwin?! Lambat lagilah. *Enjoy*-lah dulu. Muda lagi, *beb*!"

"Gatalnya, belum apa-apa lagi dah nak kahwin."

"Kahwin ni banyak tanggungjawabnya, kena jaga bini, jaga anak…"

"Malulah, sayang. Mak dan ayah *I* tu pantang bila cakap soal kahwin."

Akhirnya, masalah sosial menjadi-jadi. Zina, rogol, sumbang mahram, dan buang anak meningkat pesat. Rumah-rumah pelacuran ada di sana-sini. Salah siapa?

Kadang-kadang ustaz sendiri bersubahat dalam kempen 'jangan kahwin lagi!' Ustaz kata, kena belajar dulu baru kahwin. "Masa-masa beginilah kita nak belajar betul-betul," "kalau dah kahwin, susah nak belajar." Mungkin ustaz ingat keadaan sekarang sama macam dulu atau ustaz nak murid-muridnya rasa apa yang dia pernah alami.

Muda-mudi bertanyakan tentang cinta. Jawab ustaz, haram. Kemudian, diam. Muda-mudi menyoal tentang kahwin. Jawab ustaz, tunggu dulu. Tunggu sampai bila, ustaz? Sampai dosa kami bertimbun-timbun dulu?!

Masalah Kewangan

Masalah kewangan untuk majlis perkahwinan dan sara isteri antara punca utama remaja tidak berkahwin. Mas kahwin, kos kenduri, pakaian pengantin, dan sebagainya memerlukan wang. Bukan seratus dua malah mencecah ribuan ringgit. Dari manalah remaja yang baru habis sekolah menengah dan baru hendak masuk universiti nak cari duit yang banyak tu?

Sebenarnya, masalah ini berpunca dari pandangan masyarakat terhadap perkahwinan juga. Mereka terlalu membesar-besarkan perkahwinan dan sedaya upaya ingin menunjukkan gahnya pada majlis kenduri. Selain itu, fahaman materialisme mula menjadi pegangan. Sikap berpada-pada dengan harta benda dunia sudah hilang. Akhirnya, perkahwinan susah dilaksanakan. Kalaupun jadi, payah pula untuk memenuhi nafsu kebendaan isteri yang hendak itu hendak ini.

Dalam masalah ini juga, ibu bapa turut terlibat sama. Kerana syarat kaya yang mereka tetapkan untuk menjadi menantu, impian anak untuk berkahwin terkubur.

Masih Belajar

Di IPT, masalah cinta sering dibincangkan. Antara persoalan tentang cinta yang meriah dijadikan topik ialah: *couple*, harus atau haram? elokkah kahwin semasa belajar? dan bagaimanakah cara bercinta menurut syariat?

IPT juga menjadi lubuk pemburu cinta. Pula, ramai rakan-rakan sebaya yang lawa-lawa di sana. Lagipun, ibu bapa tidak lagi mampu menghalang cinta yang berputik dalam hati. Daripada berkahwin, bagi mereka, lebih baik *couple* saja. *Couple* bebas, tiada bebanan!

Insaf

SAYA remaja berusia 19 tahun dan mempunyai teman lelaki berusia 23 tahun. Kami berpacaran selama setahun dan saya amat menyintainya dan hidup bersama ke akhir hayat. Teman lelaki berasal dari keluarga yang warak dan pada awal perhubungan, saya takut ibunya tidak dapat menerima saya sebagai menantu.

Bagaimanapun, kerana cinta, saya berusaha menyemai cinta kami.

Saya mahu berkahwin dengannya secepat mungkin, tetapi kemahuan itu tidak kesampaian kerana teman lelaki belum mempunyai wang yang cukup.

Dia menyuruh saya menunggu empat hingga lima tahun. Ini kerana perbelanjaan kahwin memerlukan kos yang agak tinggi sehingga mencecah RM20,000.

Tetapi, perlukah saya menunggu begitu lama? Saya mahu berkahwin segera bagi menjauhi maksiat.

[http://www.hmetro.com.my/Current_News/myMetro/Monday/KRemaja/20090727104230/Article/indexp_html]

IPT biasa atau Islam, sama sahaja. Perkataan cinta, rindu, kasih, dan sayang kedengaran di segenap penjuru dalam kampus. Kalimah kahwin pun ada juga, tapi tidak seperti yang tadi kerana jika cinta, rindu, kasih, dan sayang dapat dipraktikkan, kahwin susah.

Mengapa? Sebabnya, apabila kahwin, mahasiswa tidak dapat menumpukan pelajaran sepenuhnya. Isteri, anak, mentua, dan macam-macam benda kena jaga. Kalau isteri beranak masa *exam*, susah. Makan minum isteri siapa nak tanggung? Risiko berlaku perbalahan dan perceraian juga ada.

Susah, susah…

Tidak Ada Calon

Ada juga masalah tidak ada calon untuk berkahwin. Kadang-kadang, ibu bapa mereka tidak pun menghalang mereka kahwin dan wang pun sudah cukup, tapi malangnya, tidak ada calon.

Teringat kepada sebuah lagu dendangan kumpulan Wali Band dari Indonesia yang selalu dijadikan siulan muda-mudi:

Tidak ada yang mahu,
dan menginginkan daku,
untuk menjadi pengubat pilu,
untuk menjadi penawar rindu,
untuk menjadi kekasih hatiku.
(Dari) timur ke barat,
selatan ke utara,
tidak juga aku berjumpa.
Dari musim durian,
hingga musim rambutan,

tidak kunjung aku dapatkan.
Oh Tuhan, inikah cubaan?..
Ibu-ibu, bapa-bapa,
siapa yang punya anak bilang (beritahu) aku;
aku yang terus malu,
sama (dengan) teman-temanku,
kerana cuma diriku yang tak laku-laku…
Pengumuman, pengumuman,
sesiapa yang mahu bantu,
tolong kasihani aku,
tolong carikan (untuk) diriku kekasih hatiku!...[10][11]

Demikianlah suara kecil kebanyakan remaja bersuara menyatakan bahawa mereka ingin berkahwin. Kebanyakan remaja yang menghadapi masalah ini adalah remaja yang beragama. Remaja-remaja ini sering mengelakkan diri daripada melihat wajah ajnabi.

Siapa si fulan siapa si fulanah, langsung tidak diedahkannya. Yang mereka inginkan, jauh diri daripada maksiat. Akan tetapi, apabila tiba saat ingin berkahwin, mereka tidak tahu siapakah yang perlu dipilihnya. Kepada siapa hendak ia minta tolong? Ejen cari jodoh?!

Kekasih[12] Minta Tangguh

---

[10] Lagu ‘Cari Jodoh’ oleh kumpulan Wali Band dengan suntingan.
[11] Perhatian: kami tidak berpendirian bahawa mendengar lagu dan muzik adalah harus atau tidak secara mutlak. Sila rujuk kitab al-Halal wa al-Haram fi al-Islam oleh al-Syaikh Yusuf al-Qaradhawi yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu dengan judul ‘Halal dan Haram dalam Islam’, Fiqh al-Ghina wa al-Musiqi, juga oleh beliau, Tahrim Alat al-Tharab oleh al-Syaikh Muhammad Nashir al-Din al-Albani, dan al-Radd ‘ala al-Qaradhawi wa al-Judayyi’ oleh al-Syaikh ‘Abdullah Ramadhan bin Musa.

Ada calon pun belum tentu dapat kahwin. Ramai juga yang sudah mempunyai calon, malah mempunyai kekasih, atau bahkan tunang tapi tetap tak dapat kahwin. Sebabnya, mereka minta supaya urusan ini ditangguhkan.

Alasan-alasannya banyak sangat. Ada yang memang tidak dapat dielakkan seperti kekasih belajar di tanah air sedangkan diri belajar di luar negara, permintaan dari ibu bapa, dan undang-undang institusi pendidikan; dan ada juga yang sengaja diada-adakan.

Keadaan menjadi lebih sukar apabila hubungan kasih-kekasih diikat dengan pertunangan sedangkan perkahwinan hanya akan dilangsungkan dua tiga tahun lagi mengikut perancangannya. Hasilnya, masing-masing tidak dapat berkahwin lebih awal dengan calon baru kerana terikat dengan janji. Alahai, susahnya!

Malu

Tidak kurang juga yang malu lagi segan untuk memberi tahu keluarga mereka tentang keinginan hati mereka. Bagi mereka, mustahil mereka dapat menyebut "ibu, ayah, nak kahwin!" Maklumlah, orang tuanya berkahwin ketika usia 30 tahun sedangkan mereka minta kahwin umur 20 tahun!

---

[12] Perhatian: kami tidak berpendirian bahawa bercinta antara ajnabi adalah harus atau tidak secara mutlak.

Tiada Alasan Lagi!
Ini Bukan Suka-suka Kami, Ini Agama!

Tiada alasan lagi bagi remaja untuk berkahwin; bagi ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka mendirikan rumah tangga; dan bagi masyarakat untuk memandang berkahwin adalah yang terbaik bagi remaja. Alasan dan maslahatnya terlalu banyak. Lagipun, ini bukan semata-mata kerana suka-suka remaja, ini suruhan agama!

Agama menyeru para remaja supaya segera berkahwin lebih-lebih lagi dengan fitnah dunia sekarang ini. Dalil-dalilnya cukup banyak. Antaranya firman Allah *ta'ala* ini:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَى مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

Dan kahwinkanlah ayama daripada kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu; lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya; kerana Allah maha luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi maha mengetahui. [Surah al-Nur, ayat ke-32]

Ayat ini ditujukan kepada para wali.[13] Yang diarahkan untuk dikahwinkan pula adalah *ayama* (الأيامى). Siapakah *ayama* itu?

---

[13] أنكحوا bermaksud: kahwinkahlah bukan kahwinilah. Oleh sebab itu, khithab ayat adalah wali nikah. Rujukan: al-Jami' li Ahkam al-Qur'an oleh al-Qurthubi, jil. 12, hal. 239.

Kata al-Shabuni: pendapat yang kami pilih, arahan ini ditujukan untuk seluruh umat Islam dengan erti mereka mestilah memudahkan sebab-sebab perkahwinan dan berusaha sedaya upaya untuk mengahwinkan para pemuda… [Rawa'i' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an, jil. dua, hal. 148]

Para ulama tafsir dan bahasa menjelaskan bahawa *ayama* yang tersebut dalam firman Allah tadi adalah orang merdeka yang tidak mempunyai pasangan sama teruna, dara, duda, atau janda.

Sebagai contohnya, al-Imam al-Sayuthi menjelaskan bahawa *ayama* adalah:

وَهِيَ مَنْ لَيْسَ لَهَا زَوْجٌ بِكْرًا كَانَتْ أَوْ ثَيِّبًا وَمَنْ لَيْسَ لَهُ زَوْجٌ وَهَذَا فِي الْأَحْرَارِ وَالْحَرَائِرِ.

'Ayama' ialah perempuan yang tidak bersuami sama ada masih dara mahupun janda dan lelaki yang tidak beristeri; lelaki dan perempuan yang merdeka.[14]

Ibnu Mandzhur, ahli bahasa Arab yang masyhur pula mengatakan:

الأَيَامَى الَّذِينَ لَا أَزْوَاجَ لَهُم مِنَ الرِجَالِ وَالنِسَاءِ.

'Ayama': orang-orang yang tidak mempunyai pasangan; lelaki dan perempuan.[15]

Rumusannya, ayat di atas mengarahkan para wali supaya mengahwinkan orang-orang yang tidak mempunyai pasangan yang berada di bawah kewalian mereka.

Al-Imam Ibnu Katsir berkata:

Ayat-ayat yang mulia dan terang ini mengandungi sejumlah hukum yang jelas dan suruhan-suruhan yang berat. Justeru, firman Allah ta'ala, "dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang (lelaki dan perempuan) daripada kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu; lelaki dan perempuan," ini arahan supaya berkahwin.

---

[14] Tafsir al-Jalalain oleh Jalal al-Din al-Muhilli dan Jalal al-Din al-Sayuthi, hal. 354.

[15] Lisan al-'Arab oleh Ibnu Mandzhur, jil. 12, hal. 39.

Sekelompok ulama[16] *berpendapat kahwin adalah wajib bagi setiap orang yang mampu.*[17]

Melalui ayat ke-32 surah al-Nur tadi, fahamlah kita bahawa Allah menggalakkan perkahwinan dalam kalangan remaja, dewasa, dan orang tua secara umum. Di sini, kami bawakan nas khusus yang menggalakkan perkahwinan dalam kalangan remaja pula; sabda Rasulullah SAW:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ...

Wahai golongan pemuda, barang siapa antara kalian mempunyai kemampuan[18]*, hendaklah ia berkahwin kerana kahwin itu menundukkan pandangan dan menjaga kemaluan (kehormatan diri)…* [19]

Hadis ini menyuruh para pemuda supaya berkahwin. Disebabkan bukan semua remaja mempunyai kemampuan untuk berkahwin, Rasulullah SAW menujukan gesaan itu untuk mereka yang mampu sahaja; manakala untuk golongan yang tidak mampu, sabda baginda:

وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ.

---

[16] Iaitu ulama-ulama mazhab Dzhahiriyyah.

[17] Tafsir al-Qur’an al-‘Adzhim oleh Ibnu Katsir, jil. 6, hal. 51.

[18] Ulama juga saling berbeza pandangan dalam menghuraikan perkataan *ba’ah*. Namun, yang paling sahih menurut al-Nawawi, *ba’ah* bermaksud bersetubuh. Dengan kata lain, mampu untuk ber-*ba’ah* dalam hadis tadi bermaksud, mempunyai kemampuan untuk bersetubuh berdasarkan kemampuannya dari segi persediaan perkahwinan seperti tubuh, harta, keperluan perkahwinan, dan sebagainya. Rujukan: Fath al-Bari oleh Ibnu Hajar al-‘Asqalani, jil. 9. hal. 108; dan Syarh Shahih Muslim oleh al-Nawawi, jil. 9, hal. 173.

[19] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (5066), Muslim (3464), Abu Dawud (2048), al-Nasa’i (3209), Ibnu Majah (1845), dan Ahmad (3592).

Dan barang siapa (antara kalian) tidak mampu berkahwin, hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu menahan dirinya (dari melakukan zina).[20]

Persoalannya, siapakah yang dimaksudkan dengan pemuda dalam hadis tersebut? Adakah kanak-kanak yang baru baligh juga termasuk? Berapakah umur seseorang dianggap sebagai pemuda?

Mengetahui bilakah umur 'pemuda' atau *syabab* tadi bermula sangat mustahak untuk menentukan siapakah yang termasuk dalam gesaan Nabi SAW itu. Ulama boleh dikatakan bersependapat dalam menetapkan umur 'pemuda' bermula iaitu apabila baligh.

Ulama cuma berselisih dalam menentukan bilakah kepemudaan seseorang dikira tamat. Untuk itu, kami bawakan penjelasan oleh al-Imam Ibnu Hajar al-Asqalani dalam Fath al-Bari yang telah mengemukakan pelbagai pendapat ulama dalam hal ini iaitu:
Dan perkataan 'syabab' adalah kata nama yang merujuk kepada orang-orang yang telah baligh hingga genap umur 30 tahun. Istilah inilah yang digunakan oleh ulama mazhab Syafi'i. Al-Qurthubi mengatakan dalam kitab al-Mufhim: dikatakan 'hadats' bagi yang berumur 16 tahun, kemudian dipanggil 'syabab' sehingga umur 32 tahun, kemudian dikatakan 'syaikh'. Demikianlah yang disebut oleh al-Zamakhsyari bahawa syabab itu adalah mereka yang baligh sehingga berumur 32 tahun. Ibnu Syas al-Maliki dalam al-Jawahir mengatakan: syabab itu bemula dari baligh sehingga 40 tahun. Al-Nawawi berkata "pendapat yang paling sahih dan terpilih adalah bahawa remaja adalah orang yang telah baligh tetapi masih belum mencecah usia

[20] Sambungan hadis 'wahai golongan pemuda' tadi.

30 tahun; kemudian dikira 'kahl' sehingga mencecah usia 40 tahun. Al-Ruyani dan segolongan ulama mengatakan: sesiapa umurnya mencapai 30 tahun dipanggil 'syaikh'. Ibnu Qutaibah menambah bahawa (dipanggil 'syaikh') sehingga mencapai usia 50 tahun. Abu Ishaq al-Isfirayini berkata (sebagai menukilkan) pandangan ulama-ulama mazhab Syafi'i: masalah ini kembali kepada perbahasan bahasa. Adapun berdasarkan tumbuhnya uban berbeza dengan berbezanya keadaan tubuh badan.[21]

Dalam buku ini, 'remaja' bererti mereka yang sudah baligh sehingga berumur sekitar 25 tahun sahaja kerana orang yang umurnya mencecah 30 tahun dianggap sudah dewasa. Namun begitu, tumpuan lebih diberikan kepada remaja yang telah tamat persekolahan. Remaja yang masih dalam alam persekolahan, masih terlalu awal untuk memikirkan soal perkahwinan. Memang tidak ada salahnya untuk pelajar-pelajar sekolah berkahwin, tetapi tidak sesuai kerana terlalu muda. Seelok-eloknya, selepas tamat persekolahan.

Dalam hadis tadi, Rasulullah SAW menyuruh pemuda berkahwin seraya menyatakan sebabnya iaitu untuk menjaga pandangan mata daripada perkara-perkara haram seperti memandang wanita ajnabi dengan syahwat dan menjaga kemaluan daripada berzina.

Siapakah lelaki yang dapat menafikan bahawa wanita itu memang mempesona? Setiap yang memandang pasti akan terpegun. Itu fitrah. Fitrah yang kerap menjadi fitnah sehingga menghumban manusia ke lembah jahanam. Oleh sebab itulah, perempuan diwajibkan menutup seluruh

---

[21] Fath al-Bari Syarh Shahih al-Bukhari oleh Ibnu Hajar al-'Asqalani, jil. 9, hal. 108.

tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan. Namun, perempuan masih fitnah bagi lelaki hatta yang sudah menutup litup seluruh tubuhnya pun masih diintai-intai lelaki.

Tidak hairanlah jika Abu Bakr bin ‘Abd al-Rahman al-Makhzumi[22] pernah berkata:

كُلُّ شَيْءٍ مِنَ الْمَرْأَةِ عَوْرَةٌ حَتَّى ظُفُرُهَا

Perempuan seluruhnya adalah aurat hatta kuku pun.[23]

Aurat ini makin menggoda apabila ia keluar dari tempat persembunyiannya. Mana tidaknya, syaitan yang menghiasi kecantikan dirinya!

Lantas, bagaimana hendak menghadapi aurat-aurat yang dihias pula oleh syaitan itu? Islam ada cara. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمَرْأَةَ تُقْبِلُ فِى صُورَةِ شَيْطَانٍ وَتُدْبِرُ فِى صُورَةِ شَيْطَانٍ فَإِذَا أَبْصَرَ أَحَدُكُمُ امْرَأَةً فَلْيَأْتِ أَهْلَهُ فَإِنَّ ذَلِكَ يَرُدُّ مَا فِى نَفْسِهِ.

Sesungguhnya perempuan itu menghadap ke hadapan dalam rupa syaitan[24] *dan menghadap ke belakang juga dalam rupa syaitan. Maka, apabila salah seorang antara kalian melihat seorang perempuan (lalu tertarik kepadanya) maka*

---

[22] Beliau ialah Abu Bakr bin ‘Abd al-Rahman bin al-Harits al-Makhzumi, seorang tabi’in besar yang sempat berguru dengan ‘A’isyah, Umm Salamah, dan Abu Hurairah dan termasuk dalam fuqaha’ yang tujuh yang terakhir di al-Madinah. Beliau terlalu rajin solat dan berpuasa sehingga digelar ‘rahib Quraisy’. Rujukan: Siyar al-A’lam al-Nubala’ oleh al-Dzahabi, jil. 7, hal. 470-472.

[23] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (18008)

[24] Maknanya: (perempuan itu) penunjuk kepada syahwat dan penyeru kepada fitnah dengan keadaan mereka; dan dengan sesuatu yang Allah jadikan pada fitrah lelaki yang tertarik kepada mereka sebagaimana syaitan dengan bisikan… [Ikmal al-Mu’lim Syarh Shahih Muslim oleh al-Qadhi ‘Iyadh, jil. 4, hal. 274]

hendaklah ia mendatangi isterinya kerana perbuatan itu mampu melawan nafsu yang ada dalam dirinya.[25]

Melalui hadis ini, Rasulullah SAW mengarahkan mana-mana lelaki apabila tertarik dengan mana-mana perempuan sehingga syahwatnya timbul supaya segera menyetubuhi isterinya. Bagaimana pula bagi yang tidak mempunyai isteri? Berkahwinlah… Redakan api nafsu yang sedang marak itu.

Rasulullah SAW juga bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ فَاتَّقُوا الدُّنْيَا وَاتَّقُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ أَوَّلَ فِتْنَةِ بَنِى إِسْرَائِيلَ كَانَتْ فِى النِّسَاءِ.

Sesungguhnya dunia adalah (umpama buah yang) sangat lazat lagi segar[26] *dan Allah 'azzawajalla meneruskan (kelangsungan) kehidupan kamu (dari zaman ke zaman) untuk melihat bagaimanakah kamu beramal. Maka, bertakwalah akan dunia dan bertakwalah akan wanita kerana sesungguhnya fitnah pertama yang menimpa Bani Isra'il datangnya daripada perempuan.*[27]

Lantas, jalan manakah yang lebih baik daripada berkahwin untuk bertaqwa daripada fitnah wanita?

Al-Syaikh Abdullah Nashih 'Ulwan menyebut:

---

[25] Diriwayatkan oleh Muslim (3473). Diriwayatkan juga oleh Abu Dawud (2153), al-Tirmidzi (1158), dan Ahmad (14577) dengan lafaz-lafaz lain.

[26] Dunia diumpakan seperti buah yang lazat lagi segar kerana kelazatannya yang diingini oleh nafsu keinginan atau kerana sifatnya yang mudah rosak dan tidak kekal. Lihat: Syarh al-Nawawi 'ala Muslim oleh al-Nawawi, ji. 17, hal. 55.

[27] Diriwayatkan oleh Muslim (7124), Ahmad (11185), dan Ibnu Hibban (3221). Sebahagiannya diriwayatkan juga oleh al-Tirmidzi (2191) dan Ibnu Majah (4000).

Ini adalah cara positif yang paling mujarab untuk menjaga akhlak yang murni. Bahkan ia adalah satu-satunya cara yang tabii untuk memalingkan desakan nafsu syahwat yang membara. Selain itu, perkahwinan mendatangkan faedah dari segi akhlak, sosial, kesihatan, dan rohani.[28]

Islam Itu Mudah

Rasulullah SAW bersabda:

يَسِّرُوا وَلاَ تُعَسِّرُوا...

Permudahkanlah, jangan dipayahkan…[29]

Baginda SAW juga pernah bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلاَّ غَلَبَهُ...

Sesungguhnya agama itu mudah. Seseorang itu tidak akan menyulitkan urusan agamanya kecuali sikapnya itu akan menewaskannya…[30]

Islam dan syariatnya mudah dan memang mudah. Antaranya ialah nikah. Apa rukun-rukun nikah? Mudah saja, ada lima: bakal suami, bakal isteri, wali, saksi, dan ijab kabul. Mahar wajib. Itu saja. Mengapa susah sangat berkahwin padahal rukun-rukunnya cukup *simple*?

Sebelum ini, sudah diperjelas halangan-halangan remaja berkahwin iaitu:

-Halangan ibu bapa
- Pandangan masyarakat
- Masalah kewangan

---

[28] Mas'uliyyah al-Tarbiyyah al-Jinsiyyah min Jihah Nadzhr al-Islam, oleh Dr. 'Abdullah Nashih 'Ulwan hal. 72.
[29] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (69), Muslim (4626), Abu Dawud 4837), dan Ahmad (12355).
[30] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (39) dan al-Nasa'i (5034).

- Masih belajar
- Tidak ada calon
- Kekasih minta tangguh
- Malu.

Halangan pertama dan kedua insya-Allah dapat diatasi dengan memberi kefahaman tentang perkahwinan menurut Islam. Selain menyatakan kebaikan berkahwin pada usia muda, mereka perlu disedarkan tentang bahaya meninggalkan perkahwinan pada zaman genting seperti saat ini.

Selain itu, ibu bapa perlu berani membuat perubahan. Jangan takut orang kata kerana itu perangai orang. Kalau bukan kita yang mulakan siapa lagi? Lagipun, kita hanya ingin melaksanakan tuntutan agama. Kewajipan agama lebih utama daripada adat. Jadi, mengapa perlu takut?

Bagi masalah kewangan, lebih-lebih lagi perbelanjaan permulaan khasnya untuk majlis perkahwinan, Islam ada kaedah. Wang hantaran, mengapa sampai ribuan ringgit? Berpadalah dengan apa yang mudah. Jangan terikut-ikut dengan orang lain. Orang lain mata duitan, hidup hanya untuk kesenangan yang sementara.

'Sebaik-baik perkahwinan ialah yang paling mudah'.[31] Sebaik-baik wang hantaran[32] pula ialah yang

---

[31] Merupakan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud (2119) dan Ibnu Hibban (4072). Riwayat Ibnu Hibban disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Disahihkan oleh al-Albani.

[32] Masyarakat Arab meninggikan nilai mahar manakala masyarakat Melayu merendahkan nilai mahar tetapi meninggikan nilai wang hantaran. Dalam hadis, Rasulullah SAW menggalakkan supaya mahar dipermudah atau direndahkan harganya mengikut uruf masyarakat Arab sementara kerana mengambil kira uruf

paling mudah. Bukan yang paling murah, kata orang. Kalau murah, kan mudah? Kalau orang kaya, mahal pun tidak mengapa kerana mudah bagi mereka. Tapi, berapa ramai anak-anak orang kaya dalam dunia kita berbanding anak-anak orang miskin?

Sekali lagi diperingatkan dengan hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ مِنْ يُمْنِ الْمَرْأَةِ تَيْسِيرَ خِطْبَتِهَا وَتَيْسِيرَ صَدَاقِهَا وَتَيْسِيرَ رَحِمِهَا.

Sesungguhnya antara keberkatan perempuan itu ialah senang meminangnya, ringkas mahar,[33] *dan mudah rahimnya.*[34] [35]

Macam mana dengan kenduri?

Rasulullah SAW bersabda:

أَوْلِمْ وَلَوْ بِشَاةٍ.

Buatlah kenduri walaupun dengan seekor biri-biri.[36] [37]

---

masyarakat Melayu, ‘mahar’ yang disebutkan difahami sebagai ‘wang hantaran’.

[33] Rujuk nota kaki sebelumnya.

[34] Kata ‘Urwah: ‘mudah rahimnya’ bermaksud mudah untuk beranak dengan cepat hamil dan banyak zuriat. [Faidh al-Qadir Syarh al-Jami’ al-Shaghir oleh al-Manawi, jil. dua, hal. 688]

[35] Diriwayatkan oleh Ahmad, Ibnu Hibban, dan al-Hakim. Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi manakala riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban dihasankan oleh Syu’aib al-Arna’uth.

[36] شاة bermaksud: kambing, biri-biri, kijang, ternakan, lembu, atau keldai liar. Rujuk Kamus al-Marbawi bah. satu hal. 330 dan Kamus Besar Arab-Melayu Dewan hal. 1309.

[37] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (2048), Muslim (3557), Abu Dawud (2111), al-Tirmidzi (3745), al-Nasa’i (1094), Ibnu Majah (1907), dan Ahmad (12708).

Mengapa membebankan diri sendiri? Bersederhanalah! Buat ikut kemampuan. Tidak perlu gah kerana gah pada hari perkahwinan bukan jaminan bahagia malah ramai pula yang bercerai-berai selepas itu. Sebenarnya, seribu dua ringgit sudah cukup untuk perbelanjaan majlis perkahwinan kalau dibuat secara sederhana. Kad kahwin, sekadar dapat memanggil orang; hantaran, sekadar hiasan; kenduri, sekadar penuhi kehendak agama dan adat; pelamin, tak perlu!

Berzuhudlah, kelak dunia akan ditinggalkan juga. Nafkah pun sama, perlu kepada kesederhanaan dan berpada-pada dengan apa yang ada. Kaedah lain adalah dengan meminta pertolongan keluarga masing-masing untuk menyara kehidupan seperti sebelum berkahwin. Kaedah ini khas untuk mereka yang masih belajar. Mereka perlu menumpukan pelajaran. Soal cari makan, jangan dibebankan pula kepada mereka. Ibu bapa, lebih-lebih lagi yang senang, bantu-bantulah anak menantu tu!

Tidak ada salahnya kalau ibu bapa yang tidak suka memberi bantuan kewangan kepada anak-anak mereka yang berkahwin semasa belajar untuk sekadar meminjamkan wang kepada mereka sehingga mereka mampu menyara kehidupan sendiri.

Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana mereka yang tidak mampu dari segi kebendaan hendaklah dibantu. Dengan kata lain, perkahwinan bagi remaja hendaklah digalakkan, jangan pula disukarkan dengan pelbagai perkara yang bukan-bukan hanya kerana menurut adat.

Tersebutlah kisah, sahabat Rasulullah SAW Ibnu ‘Abbas memanggil murid-murid beliau, Sumai’, Kuraib, dan ‘Ikrimah lalu berkata kepada mereka: sesungguhnya kamu

sudah sampai ke peringkat di mana pemuda mula menyimpan perasaan terhadap perempuan. Sesiapa antara kamu suka kalau aku mengahwinkannya, pasti akan aku kahwinkannya. Seorang pemuda sama sekali tidak akan berzina kecuali pasti nur Islam akan dicabut daripada dirinya. Allah akan mengembalikannya jika Dia kehendaki atau Dia menahannya jika Ia kehendaki.[38]

Lihatlah kesungguhan sahabat Rasulullah SAW ini dalam memelihara maruah dan kehormatan diri para pemuda. Bahkan, beliau sanggup mengahwinkan mereka kalau mereka mahu. Siapakah antara kita yang dapat mencontohi keprihatinan Ibnu ‘Abbas ini?

Ibu bapa yang mempunyai hati nurani yang halus tidak akan sekali-kali sanggup membiarkan anak-anak mereka menghadapi zaman remaja yang bergelora tanpa sebarang bantuan. Merekalah ibu bapa sejati. Mereka korbakan keinginan mereka untuk bermenantukan orang-orang kaya, berbangga-bangga dengan majlis kenduri yang mewah, dan sebagainya. Mereka takut kalau-kalau keinginan mereka itu menyebabkan anak-anak mereka dimasukkan ke dalam api neraka.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ...

Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri dan ahli keluarga kalian daripada api neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu (berhala)… [Surah al-Tahrim; ayat keenam]

Semoga ibu bapa memahami.

[38] Diriwayatkan oleh Sa’id bin Manshur (496).

Bagi pemuda sendiri, jangan jadikan harta yang banyak sebagai prasyarat untuk berkahwin. Dengarlah nasihat Al-Syaikh Muhammad ‘Ali al-Shabuni:

Dan pemuda sendiri hendaklah tidak menangguh-nangguhkan urusan perkahwinannya kerana menunggu lebihan kekayaan dan kesenangan malah hendaklah ia cepat-cepat berkahwin dengan bertawakal kepada Allah walaupun pendapatannya hanya sedikit.[39]

Bagi masalah masih belajar, risau kalau-kalau kahwin menganggu pelajaran, cukuplah pengalaman hidup Dr. ‘Abdullah Nashih ‘Ulwan ini sebagai pedoman;

Adapun masalah perkahwinan mengganggu pelajaran adalah hujah yang dijadikan alasan bagi sesetengah pihak namun kenyataan yang berlaku mendustakan dan menghujah terhadap kebatilannya.

Sebelum aku menimba ilmu di Universti al-Azhar al-Syarif, aku termasuk dalam kalangan mereka yang berpendapat bahawa kahwin sangat mengganggu pelajaran serta suatu penghalang yang sukar diatasi bagi seorang pelajar untuk belajar. Tetapi, apabila aku berkahwin kira-kira dua tahun sebelum tamat pengajian, aku mula mengubah fikiran. Aku dapati kahwin adalah faktor yang paling besar dalam membantu pelajar mendapatkan fikiran yang lapang, jiwa yang tenang, dan kehidupan yang indah lagi bahagia.

Hal ini disebabkan sebelum aku kahwin, aku banyak menghabiskan masaku dengan membasuh baju, menyediakan makanan, mengemas rumah, dan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh perantau dan yang diperlukan dalam kehidupan harian. Sebaik sahaja aku kahwin, aku tidak lagi disibukkan dengan perkara-perkara ini. Jadi, aku berpeluang untuk belajar sepenuhnya.

---

[39] Rawa’i’ al-Bayan oleh al-Shabuni, jili. dua, hal. 153.

Keadaan itu juga membolehkan aku mencedok ilmu yang mengalir-ngalir; memberiku minum dari mata air pengetahuan. Aku juga berangan-angan kalaulah aku berkahwin sejak hari pertama aku menuntut ilmu; menjadikan fikiranku selamat daripada segala fikiran syaitan dan bisikan jiwa yang mengganggu kehidupan remaja yang bujang dan mengganggunya daripada persediaan rohani, ilmu, dan akhlak.

Sebenarnya, bukan aku seorang sahaja yang mendapat pengalaman yang berjaya ini malah sahabat-sahabat yang berkahwin semasa sedang belajar, yang memasuki gerbang perkahwinan semasa masih dalam peringkat pengajian di universiti turut merasainya…[40]

Mitos kahwin mengganggu pelajaran turut dibantah oleh al-Syaikh Shalih bin Fauzan. Ujarnya;

Apa yang dikatakan 'kahwin muda mengganggu proses menimba ilmu dan pelajaran,' tidak boleh diterima. Malah, yang betulnya adalah sebaliknya kerana perkahwinan sentiasa memberikan kelebihan-kelebihan sebagaimana yang telah kami sebutkan. Antaranya ketenangan, kedamaian, kepuasan jiwa, dan penenang mata. Semua ini antara faktor yang membantu pelajar mendapatkan ilmu.

Sebenarnya, tidak berkahwinlah yang menghalang pelajar daripada mencapai cita-cita ilmunya. Hal ini berlaku kerana fikiran yang berserabut dan jiwa yang bergelora tidak memungkinkan untuk memperolehi ilmu. Tetapi, apabila ia berkahwin, keadaannya menjadi tenang, jiwanya lega, sebuah rumah yang ia dapat bernaung di bawahnya diperolehi, sementara sang isteri bermesra-mesra selain membantunya. Semua ini antara yang membantunya memperolehi ilmu.

---

[40] 'Aqabat al-Zawaj wa Thuruq Mu'alajatiha 'ala Dhau' al-Islam oleh Dr. 'Abdullah Nashih 'Ulwan hal. 33.

Justeru, kahwin muda apabila Allah mempermudah dan menjadikan perkahwinan ini sebagai penyempurna hidupnya; akan memudahkan pelajar dalam perjalanannya menuntut ilmu, tidak sebagaimana yang dibayangkan bahawa kahwin itu adalah penghalangnya.[41]

Adapun masalah tidak ada calon boleh diselesaikan dengan berusaha mencarinya sendiri, meminta pertolongan sahabat, atau kaedah terbaik, serahkan urusan ini kepada ibu bapa. Selesai.

Selain itu, unit-unit yang bertanggungjawab tentang perkara ini seperti Unit Baitul Muslim di bawah Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) perlu ditubuhkan di institusi-institusi pengajian tinggi kerana kewujudan unit tersebut terbukti mampu menyelesaikan masalah ini.

Masalah calon minta tangguh pula sedikit rumit. Pasangan yang ingin segera berkahwin hendaklah memberikan kata dua kepada calon sama ada segera berkahwin dengannya atau berkahwin dengan orang lain. Jika calon memilih yang kedua, maka, carilah calon baru yang bersedia untuk mendirikan rumah tangga dalam kadar segera.

Masalah seterusnya; malu untuk memberitahu keluarga. Al-Syaikh ‘Abdullah Nashih ‘Ulwan awal-awal lagi mengingatkan:
Apakah yang membahayakan remaja jika ia berterus terang kepada bapanya dengan memberitahunya bahawa ia perlu berkahwin; atau berbisik memberitahu keperluannya yang

[41] Muhadharat fi al-‘Aqidah wa al-Da’wah oleh Dr. Shalih bin Fauzan, jil. satu hal. 253.

penting ini? Berdosakah ia kalau ia melakukannya; atau ia dikira melakukan satu perkara mungkar?

Apakah juga yang membahayakan si ayah kalau berterus terang berbincang tentang perkahwinan; atau adakah berbincang tentang kahwin ini melampaui batas-batas pendidikan dan tidak termasuk daripada suruhan-suruhan agama?[42]

Sebelum berterus terang, seelok-eloknya cuba fahamkan mereka tentang isi hati kita dengan menggunakan bahasa isyarat dan ayat-ayat kiasan. Antaranya, cuba baca buku tentang perkahwinan di depan mereka, selalu bertanya mereka tentang kahwin, dan sebagainya. Apabila mereka faham, mereka akan bertanya “kamu ni sebenarnya nak kahwin ke?” Gunakan peluang keemasan itu untuk menjawab “ya!” Jika mereka buat-buat tidak faham atau memang tidak faham, terpaksalah guna cara terakhir iaitu berterus-terang.

Rahmat Allah bagi Mereka yang Melaksanakan Agama-Nya

Antara tuntutan Islam ialah berkahwin. Mereka yang cuba dan berusaha keras untuk berkahwin kerana tuntutan tersebut lebih-lebih lagi didesak oleh keadaan masa kini yang betul-betul mencabar pastilah akan dibantu oleh Allah *ta'ala*. Berkenaan hal ini, ada riwayat daripada Rasulullah SAW berbunyi:

ثَلَاثٌ كُلُّهُمْ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ عَوْنُهُ الْمُجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالنَّاكِحُ الْمُسْتَعْفِفُ وَالْمُكَاتَبُ يُرِيدُ الْأَدَاءَ.

Ada tiga golongan yang semuanya berhak mendapat pertolongan daripada Allah iaitu orang yang berjuang di

[42] ‘Aqabat al-Zawaj hal. 35.

jalan Allah, orang yang berkahwin kerana memelihara diri daripada melakukan perkara haram, dan hamba yang berusaha memerdekakan diri.[43]

Selain itu, ada berita gembira untuk orang-orang yang berkahwin dengan niat menjaga agamanya sedangkan diri mereka miskin. Firman-Nya:

إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya; kerana Allah maha luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi maha mengetahui. [Surah al-Nur; ayat ke-32]

Rasulullah SAW juga secara mursal diriwayatkan bersabda:

تَزَوَّجُوا النِسَاءَ فَإِنَّهُنَّ يَأْتِيْنَكُمْ بِالمَالِ.

Kahwinilah wanita kerana mereka akan datang kepada kamu dengan membawa harta.[44]

Tentang ayat tadi, Ibnu ‘Abbas RA berkata:

أَمَرَ اللهُ سُبْحَانَهُ بِالنِّكَاحِ وَرَغَّبَهُمْ فِيهِ وَأَمَرَهُمْ أَنْ يُزَوِّجُوا أَحْرَارَهُمْ وَعَبِيدَهُمْ وَوَعَدَهُمْ فِي ذَلِكَ الغِنَى فَقَالَ: إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ.

[43] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (1655), al-Nasa’i (3120), Ibnu Majah (2518), Ahmad (7410), al-Hakim (2678), dan Ibnu Hibban (4030). Al-Tirmidzi menghasankan riwayatnya. Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi. Dihasankan oleh al-Albani. Kata Syua’ab al-Arna’uth dalam ta’liqnya ke atas Musnad Ahmad: isnadnya kuat, rawi-rawinya tsiqah, rawi-rawi al-Syaikhan kecuali Muhammad bin ‘Ajlan.

[44] Diriwayatkan oleh al-Hakim (2679), Ibnu Abi Syaibah (16161), dan Abu Dawud dalam Marasilnya (203). Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi. Abu Dawud dan al-Albani mengatakan bahawa hadis ini tetap mursal walaupun telah diriwayatkan secara maushul dalam sesetengah riwayat.

Allah memerintahkan supaya berkahwin dan menggalakkanya. Dia juga menyuruh mereka supaya mengahwinkan orang-orang yang merdeka dan hamba-hamba mereka serta menjanjikan kekayaan kepada mereka. Dia pun berkata: jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dengan limpah kurnia-Nya.[45]

Saidina Abu Bakr RA berkata:

أَطِيعُوا اللهَ فِيمَا أَمَرَكُم بِهِ مِن النِكَاحِ يُنْجِزْ لَكُمْ مَا وَعَدَكُمْ مِنَ الغِنَى قَالَ: إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ.

Patuhilah Allah dalam perintah-Nya supaya kamu berkahwin, pasti Dia akan melaksanakan apa yang Dia telah janjikan berupa kekayaan. Dia berkata: jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dengan limpah kurnia-Nya.[46]

Saidina ‘Umar RA berkata:

ابْتَغُوا الغِنَى فِي البَاءَةِ.

Carilah kekayaan dalam perkahwinan.[47]

Saidina ‘Umar RA juga berkata:

مَا رَأَيتُ مِثْلَ رَجُلٍ لَمْ يَلْتَمِسْ الفَضْلَ فِي البَاءَةِ وَاللهُ يَقُولُ: إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ.

Aku tidak pernah melihat ada pemuda yang tidak memohon rezeki dengan perkahwinan sedangkan Allah telah mengatakan: jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dengan limpah kurnia-Nya.[48]

Ibnu Mas’ud RA pula berkata:

---

[45] Diriwayatkan oleh al-Thabari dalam Tafsirnya, jil. 19, hal. 166.
[46] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim dalam Tafsirnya, jil. 8, hal. 2582.
[47] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah (16162).
[48] Diriwayatkan oleh ‘Abd al-Razzaq (10393).

الْتَمِسُوا الغِنَى فِي النِكَاحِ يَقُولُ اللهُ تَعَالَى: إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ.

Tuntutlah kekayaan dalam pekahwinan. Allah ta'ala berfirman: sekiranya mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dengan limpah kurnia-Nya.[49]

Yakini janji Allah ini. Mengapa terus dirundung rasa takut untuk berkahwin hanya kerana tidak berduit? Allah sudah menjanjikan kekayaan. Allah sekali-kali tidak akan memungkiri janji-Nya. Alangkah eloknya ayat Allah ini dialunkan dan dihayati oleh sekalian yang terasa berat untuk berkahwin kerana masalah kewangan. Tersangat baiklah kalau ayat ini dibacakan kepada ibu bapa perempuan yang sangat-sangat runsing dengan pinangan daripada seorang ustaz yang hanya cukup-cukup makan!

Selain menjanjikan kekayaan harta benda, perkahwinan juga menjanjikan kekayaan yang sebenar,[50] iaitu kekayaan jiwa. Melalui perkahwinan, pemuda-pemudi mendapat ketenangan yang tidak ada tolok bandingnya. Allah *ta'ala* berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ.

Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat)-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang

---

[49] Diriwayatkan oleh al-Thabari dalam Tafsirnya, jil. 19, hal. 166.

[50] Berdasarkan mafhum hadis: kekayaan itu bukanlah dengan banyaknya harta tetapi kekayaan itu adalah kaya jiwa. Diriwayatkan oleh al-Bukhari (6446), Muslim (2467), al-Tirmidzi (2373), Ibnu Majah (4137), dan Ahmad (7314).

menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. [Surah al-Rum; ayat ke-21]

Tenang dan tenteram; rahmat Ilahi buat mereka. Kalau ada masalah, mereka saling berkongsi; menangis bersama-sama. Begitu juga ketika suka. Cinta mereka adalah cinta hakiki; disalurkan secara *syar'i*. Yang lebih penting, godaan wanita bagi lelaki yang sudah beristeri menjadi lemah kerana si suami dapat melepaskan syahwatnya melalui isteri. Cinta monyet sudah lesap. Mata terjaga. Maruah terpelihara. Separuh agamanya sudah sempurna, tinggal lagi separuh.[51]

Berkenaan hal ini juga, Thawus[52] pernah berkata:

لاَ يَتِمُّ نُسُكُ الشَّابِّ حَتَّى يَتَزَوَّجَ.

Amal ibadat remaja tidak sempurna sehinggalah ia berkahwin.[53]

Berbahagialah mereka yang telah berkahwin. Inilah rahmat Allah kepada mereka yang berusaha melaksanakan suruhannya. Nikmatnya!

---

[51] Rasulullah SAW diriwayatkan bersabda 'sesiapa dikurniakan oleh Allah isteri yang solehah, sesungguhnya dia telah dibantu oleh Allah untuk separuh urusan agama-Nya. Maka, hendaklah ia bertaqwa kepada Allah untuk yang separuh lagi.' Diriwayatkan oleh al-Hakim (2681). Disahihkan oleh al-Hakim dan dipersetujui oleh al-Dzahabi tetapi dalam naskah lain, al-Dzahabi mengkritik pensahihan al-Hakim. Didha'ifkan oleh al-Albani.

[52] Beliau ialah Thawus bin Kaisan al-Yamani, tabi'in besar yang sempat berguru dengan Ibnu 'Abbas, Ibnu 'Umar, dan 'Abdullah bin 'Amr. Ibnu Hibban mengatakan: beliau termasuk dalam kalangan ahli ibadat Yaman dan penghulu tabi'in. Beliau telah mengerjakan haji sebanyak 40 kali dan mustajab doanya. Rujukan: Siyar al-A'lam al-Nubala', jil. 9, hal. 38-50.

[53] Diriwayatkan oleh Sa'id bin Manshur (497).

Kalau…
Masalah Cinta dan Zina akan Selesai

Islam adalah *solution*; penyelesaian kepada sesuatu masalah yang berlaku dalam kalangan manusia dan jin. Inilah syariat yang menyeluruh dan praktikal. Bukankah Islam itu rahmat untuk seluruh alam?

Kalaulah pemuda-pemudi Islam yang saling jatuh hati dikahwinkan…

Kalaulah ibu bapa cepat-cepat mengahwinkan anak-anak mereka yang sudah cukup umur…

Kalaulah masyarakat faham masalah kahwin dalam kalangan remaja…

Kalaulah harta bukan syarat menjadi menantu…

Pasti masalah cinta dan zina yang menimpa umat hari ini selesai. Hal ini bukan teori kosong tanpa hujah. Logik akal pun membenarkannya. Fikirkan, kalau anak-anak muda yang nafsunya bergelombang kuat dihadiahkan seorang isteri. Bagaikan orang mengantuk disorong bantal jadinya.

Ini sudah tentu, kerana malapetaka akhir zaman ini hanya dapat diselesaikan dengan cara Islam. Usahlah memikirkan cara ini kaedah itu teori ini kerana semua permasalahan dalam kehidupan manusia sudah ada penyelesaiannya dalam Islam. Amalkan Islam sebenar; berpegang teguh dengan al-Quran dan hadis menurut manhaj para sahabat, tabiin, dan pengikut-pengikut mereka, pasti hidup akan bahagia dan sentosa.

Walau bagaimanapun, syariat Islam itu berpakej. Selain menggalakkan perkahwinan, Islam mempunyai banyak kewajipan yang disertakan dengan syariat perkahwinan. Ingatilah firman Allah:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ ادْخُلُواْ فِي السِّلْمِ كَآفَّةً...

Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kalian ke dalam agama Islam secara menyeluruh (iaitu segenap pokok dan cabang Islam)… [Surah al-Baqarah; ayat ke-208]

Justeru, jika hanya sisi perkahwinan pemuda-pemudi yang diambil perhatian sedangkan tuntutan mendalami dan memahami agama dipinggirkan, soal pergaulan bebas dan pendedahan aurat terus diabaikan, dan hukum-hukum jenayah Islam tidak dilaksanakan, lihatlah apa yang akan berlaku nanti. Umpama kereta tanpa tayar, atau kapal terbang tanpa sayap, atau kereta api tanpa landasan!

Pemuda-pemudi Muslim Tenang dan Berupaya Bangkit

Benar, dengan berkahwin, para pemuda-pemudi Islam akan berasa tenang dan pastinya akan menyusun gerakan kebangkitan ummah. Pembudayaan cinta dan seks bebas sebenarnya antara racun dan jarum musuh-musuh Islam yang ingin melumpuhkan kekuatan umat Islam. Racun mereka juga mengenai remaja-remaja mereka. Mengapa? Mungkin mereka ingin meracuni seluruh dunia dan menjadikan dunia ini kufur kepada Allah!

Al-Syaikh Nashih ‘Ulwan mengemukakan perancangan pihak musuh untuk menghapuskan semangat Islam dalam jiwa pemuda seperti berikut:

<u>Yahudi dan Missionari</u>

Mereka menyokong ideologi Sigmund Freud yang mentafsirkan bahawa setiap sesuatu pada perlakuan manusia adalah mengikut ransangan seks, berkecimpung di sekitar syahwat dan keseronokan. Mereka membangunkan pandangan Yahudi Karl Marx yang merosakkan akidah manusia, menghapuskan faham beragama, dan menghina akidah ketuhanan. Apabila ditanya kepada Karl Marx, dia menjawab: pementasan, lalaikan mereka dari akidah ketuhanan dengan pementasan.

Mereka juga membangunkan pendangan Netcher, yang telah menghapuskan akhlak, mengharuskan kepada seluruh manusia melakukan apa sahaja yang boleh membawa kepada keseronokan. Mereka berusaha untuk menghancurkan akhlak di setiap sudut tempat melalui seks dan wanita. Antara saranan mereka dan juga kata-kata para Missionari: kita perlu mendapatkan wanita, setiap hari mereka hulurkan tangan kepada kita, bermakna kita telah berjaya dengan cara yang haram, dan lenyapkan tentera yang berjuang untuk agama.

Penjajahan dan Gerakan Kristianisasi

Segelas arak dan seorang biduanita sudah cukup untuk menghancurkan umat Muhammad lebih hebat berbanding seribu meriam. Lantas mereka akan hanyut dengan menggemari material dan syahwat. Apa yang pernah dinyatakan oleh Zweimer di muktamar mubaligh Kristian di al-Quds ialah:

Kami sediakan tunas baru yang langsung tidak mengerti tentang hubungan mereka dengan Tuhan. Nanti akan muncul tunas baru Islam yang sejajar dengan apa yang dikehendaki oleh penjajah, tidak menghiraukan kebesaran Tuhan, dan suka keseronokan dan kemalasan. Mereka tidak membuat sesuatu di atas muka bumi ini melainkan untuk syahwat. Sekiranya mereka belajar, ianya

adalah untuk syahwat, menghimpunkan harta adalah untuk syahwat, apabila menyediakan satu pusat bertujuan untuk syahwat. Jadi, semuanya untuk tujuan syahwat.

Doktrin Komunisme dan Materialisme

Kami telah membahaskan di dalam buku Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam (Pendidikan Anak-anak dalam Islam), apa yang pernah dinyatakan oleh Komunis dalam akad setia mereka secara terperinci pada perbahasan Memupuk Rasa Bertanggungjawab. Di sini, kami memetik kata-kata ini kerana ia berhubung kait dengan perbahasan kita:

Kita telah berjaya menyebarkan apa yang boleh menghancurkan agama dengan cerita-cerita filem, pementasan, ceramah, akhbar, majalah-majalah, serta tulisan-tulisan yang menyebarkan fahaman ateisme dan menyeru manusia ke arahnya, mempersendakan agama dan tokohnya, menyeru ke arah sains semata-mata dan jadikan ia sebagai Tuhan yang menguasai segala-galanya.[54]

Begitulah perancangan mereka. Cukup hebat dan hampir-hampir 100% berjaya.

Sebagai tambahan, kami bawakan kata-kata Ustaz Zainol Syam:

Dalam usaha untuk menghancurkan kefahaman Islam di kalangan umat Islam itu sendiri, maka beberapa akta *thaghut* mereka ciptakan:

- Mereka berusaha melenyapkan sistem pemerintahan Islam di muka bumi Allah ini.
- Mereka berusaha menghapuskan penghayatan isi kandungan al-Quran; berusaha menghilangkan huruf-huruf al-Quran dari dada umat Islam seluruhnya.

---

[54] Mas'uliyyah al-Tarbiyyah al-Jinsiyyah, hal. 40 dan 41.

- Mereka berusaha memusnahkan keperibadian akhlak Rasulullah.
- Mereka berusaha melenyapkan sebarang bentuk gerakan Islam, lebih-lebih lagi yang cuba hendak menegakkan hukum Allah.
- Mereka berusaha menimbulkan berbagai-bagai keraguan terhadap akidah Islam dan kesucian hadis-hadis Rasulullah.
- Mereka berusaha memecahbelahkan bangsa Arab dan melaga-lagakan semua pimpinan-pimpinan mereka, sehingga tidak lagi yang kembali bersatu kerana Allah.
- Mereka berusaha mendirikan kerajaan diktator yang membujur lalu melintang patah.
- Mereka menyekat segala kemajuan umat Islam dalam bidang perdagangan dan perindustrian; tidak dibenarkan mempelajari dan mengeluarkan senjata-senjata yang canggih.
- Mereka mengacau ketenteraman umat Islam.
- Mereka berusaha memasukkan kebudayaan yang melacurkan akhlak, wanita-wanita Islam, mereka tawan muda-mudi dengan noda perisik antarabangsa dan filem-filem lucah.[55]

Poin terakhir nampaknya agak berjaya. Antara buktinya ialah jawapan seorang artis wanita Malayu apabila ditegur kerana melakonkan adegan cium dalam teater:
Saya ini pelakon yang harus mengikut kehendak pengarah sebagai pelakon yang bertanggungjawab. Lagipun, ini teater Inggeris, biasalah begitu![56]

---

[55] Sampai Kiamat Tiada Damai dengan Yahudi, oleh Zainol Syam dengan beberapa suntingan.
[56] Jawapan oleh pelakon wanita Melayu apabila ditegur dan dikritik oleh pelbagai pihak kerana melakonkan adegan cium dengan pelakon lelaki dalam teater Inggeris, *A Streetcar Named*

Nah, itu jawapan seorang pelakon teater pada tahun 1993, bagaimana pula pada tahun-tahun belakangan ini?

Muda-mudi Islam dilanda penyakit cinta dan seks. Seks pula berkait rapat dengan cinta. Malahan, pemuda yang mengatakan "aku cinta kepadamu," hakikatnya bermotifkan seks. Mungkin wanita juga. Jadi, apabila disebut cinta, seks juga termasuk. Atau dengan kata lain, cinta dan seks sama sahaja pada masa kini. Kenyataan ini bukan pendapat semata-mata kerana dapat diamati secara jelas melalui majalah, lagu, drama, dan filem. Yang dikehendaki dengan cinta wanita tidak lain tidak bukan hanyalah tubuhnya!

Apa yang dikatakan ini nampaknya disokong oleh Anne Moir dan David Jessel yang menulis dalam buku mereka yang tajuknya 'Sex: The Real Difference Between Men and Women':
Bagi kaum lelaki, seks adalah pornografi yang menggiurkan, mereka mementingkan tubuh. Kaum wanita lebih mementingkan hubungan.[57]

Kembali kepada tajuk, pemuda-pemudi Islam akan tenang dan berupaya bangkit dengan berkahwin. Ini bukan lagi andaian tetapi hukum sebab-musabbab yang akan berlaku. Perkahwinan menenangkan jiwa; mata pun tidak meliar mencari tubuh-tubuh wanita yang terdedah di sana-sini; syahwat pun tidak dilepaskan secara bebas kerana semuanya sudah ada pada isteri.

Desire di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Julai 1993.

[57] Dipetik dari buku Qur'an Santifik, hal. 288.

Akhirnya, banyak masa yang sebelum ini terbuang kerana bercakap soal cinta dan perempuan, atau lelaki; berfikir tentang jodoh; merisik puluhan perempuan; berkhayal yang bukan-bukan, dan sebagainya dapat digunakan untuk kerja-kerja yang bermanfaat.

Jika sebelum ini membaca buku pun nampak wajah kekasih, kalau sudah menjadi isteri, sudah tidak bermasalah lagi. Kalau dulu selalu terintai-intai kekasih dalam kelas, sekarang dapat menatapnya dalam kamar. Tiada lagi kerisauan kalau-kalau orang nampak. Tenangnya.

Ketenangan itulah yang akan membangkitkan semangat perjuangan Islam. Ketenangan itulah yang akan memadamkan marak api cinta dan zina yang dinyalakan oleh musuh.

Ancaman Kebinasaan Bagi Sesiapa yang Memperlekeh Ajaran Agama

Masyarakat perlu tunduk kepada ajaran Islam bukannya Islam tunduk kepada masyarakat dan adat setempat. Islam mengajak umat agar berkahwin supaya terhindar daripada melakukan zina, maka setiap manusia perlu patuh. Mengapa masih mahu berdalih?

Sedangkan orang yang beriman lagi bertakwa mencari jalan untuk menghindari kemungkaran sehingga ada yang terpaksa mengadu kepada Allah, “aku tak mampu tahan ya Allah! Kurniakan daku seorang isteri supaya jiwaku tenang tenteram dengannya.”

Mereka yang demam cinta atau sentiasa terbayang-bayang persetubuhan pasti inginkan perkahwinan; untuk mengikat cinta dengan kekasih atau menyejukkan hangat

nafsunya. Makin lama menanti perkahwinan, makin kuatlah keinginan mereka yang dipendam. Mereka akan mencari-cari jalan lain. Semua jalan lain seperti khalwat, zina, dan rogol adalah haram. Satu-satunya cara ialah kahwin.

Namun, masyarakat ibu bapa biasanya enggan mengahwinkan mereka pada usia muda. Anak-anak teruna meminang anak dara mereka, namun, mereka enggan membenarkan anak dara mereka berkahwin. Mereka ada banyak alasan tetapi kebanyakan alasannya dibuat-buat. Agaknya, mereka tidak pernah mendengar kata-kata yang disandarkan kepada Rasulullah SAW ini:

إِذَا خَطَبَ إِلَيْكُمْ مَنْ تَرْضَوْنَ دِينَهُ وَخُلُقَهُ فَزَوِّجُوهُ إِلاَّ تَفْعَلُوا تَكُنْ فِتْنَةٌ فِى الأَرْضِ وَفَسَادٌ عَرِيضٌ.

Apabila orang yang kamu redai agama dan akhlaknya datang meminang (anak) kalian, hendaklah kamu mengahwinkannya. Jika tidak, akan berlaku fitnah di atas muka bumi dan kerosakan yang besar.[58]

Sememangnya, mereka yang bersubahat menghalang perkahwinan yang menepati kehendak agama seperti ibu bapa, rakan-rakan, saudara-mara, dan pastinya akan menanggung dosa khalwat dan zina sekiranya berlaku;

[58] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (1084), Ibnu Majah (1967), dan al-Hakim (2695). Kata al-‘Iraqi dalam Takrij Ahadits al-Ihya’nya: dikeluarkan oleh al-Tirmidzi dari hadis Abu Hurairah dan menukilkan daripada al-Bukhari bahawa beliau tidak menganggapnya sebagai mahfudzh. Abu Dawud mengatakan bahawa riwayat ini silap. Al-Tirmidzi juga meriwayatkan dari hadis Abu Hatim al-Muzani serta menghasankannya. Abu Dawud juga meriwayatkannya dalam al-Marasil. Ibnu al-Qaththan pula mencacatkan hadis ini dengan sebab kemursalan dan kedha’ifan rawi-rawinya. Sekian kata-kata al-‘Iraqi. Dihasankan oleh al-Albani. Wallahua’lam.

sementara ketahuilah bahawa inilah rupa dunia akhir zaman. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَكْثُرَ الْجَهْلُ وَيَكْثُرَ الزِّنَا وَيَكْثُرَ شُرْبُ الْخَمْرِ .

Sesungguhnya antara tanda-tanda kiamat ialah terangkatnya ilmu, banyaknya kejahilan, merebaknya perzinaan, berleluasanya arak...[59]

Jika dikatakan, hadis tadi hanya mengkhususkan mereka yang kita puas hati dan reda dengan agama dan akhlak mereka sahaja sedangkan remaja-remaja pada hari ini jarang benar yang begitu. Maka jawabnya, adakah ibu bapa khasnya dan masyarakat secara umum berusaha membina genarasi muda-mudi yang soleh dan berakhlak? Tidak!

Ibu bapalah yang menyediakan TV untuk tontonan seisi keluarga yang memaparkan kisah-kisah cinta dan perzinaan; memberi duit saku yang digunakan untuk membeli majalah URTV dan Mangga; tidak mengajak mereka ke masjid; tidak merotan anak-anak yang tidak mengerjakan solat; membelikan baju yang sendat untuk anak-anak dara mereka; menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah kebangsaan; merekalah pesalahnya![60]

Kembali semula kepada pokok perbincangan. Benar, ancaman ini bukan main-main kerana sudah ternyata bala Allah dengan peningkatan kes khalwat, zina, rogol, dan sebagainya. Ini semua kerana manusia tidak lagi mematuhi

---

[59] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (5231), Muslim (6957), al-Tirmidzi (2205), Ibnu Majah (4045), dan Ahmad (12829).

[60] Untuk mengatasi masalah ini, ibu bapa mesti mendidik anak-anak mereka dengan didikan Islam. Sila baca buku Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam oleh Dr. ‘Abdullah Nashih ‘Ulwan yang telah diterjemahkan dengan judul Pendidikan Anak-anak dalam Islam.

agama. Insaflah, bukankah Tuhan telah menyampaikan firman-Nya?

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ.

Telah nyata kerosakan di darat dan di bumi dengan perbuatan-perbuatan tangan manusia; agar Allah membuat mereka merasa kesan perbuatan mereka; semoga mereka kembali. [Surah al-Rum; ayat ke-41]

Di negara-negara musyrikin, bala bencana sudah berlaku ke atas mereka. Bencana yang menimpa mereka lebih teruk kerana mereka bagaikan tidak memiliki agama lagi. Hukum haram perzinaan macam tiada wujud di negara-negara mereka. Mereka bebas berfoya-foya. Dengan betina mana, dengan jantan mana, bebas. Video lucah, separa lucah, hanya ada tanda '18SX'. Pakaian sekadar hiasan, boleh ditanggalkan kalau hendak. Dunia ini mereka yang punya! Bukankah dunia itu penjara bagi orang mukmin, syurga bagi orang kafir?

Hasilnya, 13 000 000 bayi digugurkan di China. Laporan akhbar Metro bertarikh 31 Julai 2009 memaparkan:
BEIJING: Kira-kira 13 juta pengguguran bayi dilakukan di China setiap tahun. Sebahagian besar daripadanya membabitkan wanita muda belum berkahwin yang kurang pengetahuan mengenai pencegahan hamil, kata pakar. Akhbar China Daily bagaimanapun berkata, jumlah pengguguran dipercayai lebih tinggi memandangkan 13 juta kes itu dilakukan di hospital sementara lebih banyak lagi yang diketahui dilakukan di klinik pedalaman yang tidak berdaftar. Dalam pada itu, lebih 10 000 000 pil penguguran dijual di negara itu setiap tahun-Reuters.

Akhirnya, kira-kira sejuta perempuan bawah 20 tahun mengandung luar nikah di Amerika. Dr. Danial Zainal Abidin menjelaskan:

Setiap tahun hampir sejuta wanita di bawah umur 20 tahun mengandung. Ia bermaksud setiap hari hampir 2 800 remaja belasan tahun mengandung di luar nikah di Amerika. Bebanan kos yang terpaksa ditanggung bagi menangani masalah kandungan luar nikah ini mencecah tujuh bilion dolar Amerika setiap tahun. Kesan budaya hedonisme ini, setiap tahun, 25% daripada remaja belasan tahun di Amerika menghidap penyakit jangkitan seksual terutamanya daripada jenis…[61]

Natijahnya, 50 juta Pound Sterling terpaksa dihabiskan di Britain untuk mengawal jangkitafn penyakit seksual. Dr. Danial mendedahkan perkara ini:

Di Britain pula, Daily Mail bertarikh 22 November 2004 melaporkan, kempen bernilai 50 juta pound sterling terpaksa dilancarkan bertujuan bagi mengawal penyakit jangkitan seksual di Britain. Kempen ini memberi fokus kepada golongan kepada golongan muda supaya mereka mengamalkan seks yang selamat. Kajian menunjukkan seorang daripada lapan orang remaja perempuan belasan tahun dan setiap orang daripada lima orang lelaki berumur antara 20 hingga 24 tahun dijangkiti penyakit ini…[62]

Hasilnya lagi, AIDS merebak dengan begitu cepat. Begitu juga dengan penyakit-penyakit lain. Inilah bala yang dijanjikan kalau masyarakat memperlekeh-lekehkan suruhan mengahwinkan anak-anak remaja mereka.

Wallahua'lam.

---

[61] Quran Saintifik oleh Dr. Danial Zainal Abidin, hal. 179.
[62] Quran Saintifik, hal. 179.

Bukan Semuanya Sama

Hukum Sebenar Perkahwinan

Setelah panjang lebar kami menerangkan keperluan perkahwinan dalam usia muda, mungkin terdapat sebilangan hati bersuara:

- Bukan ana tak nak kahwin, cuma ana nak tumpukan kepada pelajaran. Lagipun, ana tak fikir langsung fasal perempuan. Aku tengok perempuan macam tengok batang pisang *je*.
- Mustahil aku dapat kahwin dengan keadaan aku macam ni. Aku tak ada duit. Hutang pula bertimbun.
- Memang aku nak kahwin, tapi bukan sekarang. Insya-Allah dalam dua tiga tahun lagi.
- Saya dah usaha, tapi tak dapat. Saya tak ada rupa. Harta pun tiada. Mana ada orang nak kahwin dengan saya!

Memang, Islam memang menggalakkan perkahwinan. Namun, hakikatnya, bukan semua mampu berkahwin lebih-lebih pada usia remaja. Memang mereka sudah berusaha untuk berkahwin, tapi, mereka tidak mampu.

Kepada sahabat-sahabat yang menghadapi masalah yang tidak mampu diselesaikan yang menyebabkan cita-cita untuk mendirikan rumah tangga tidak kesampaian, kami nasihatkan: bersabarlah dan jagalah kehormatan dirimu sehingga Allah membuka kepadamu gerbang perkahwinan itu.

Kepada sahabat-sahabat yang memang tidak mahu berkahwin pada masa terdekat kerana yakin bahawa keimanan dan ketakwaan dirinya mampu mencegah segala perbuatan yang keji yang berleluasa pada dewasa ini, kami ucapkan: jangan khuatir dengan seruan yang kami bawa

kerana hukum sebenar kahwin adalah berbeza mengikut keadaan individu.

Alim-ulama mempunyai beberapa pendapat mengenai hukum berkahwin. Al-Syaikh Muhammad ‘Ali al-Shabuni menerangkan:

Para ulama fiqh berselisih pendapat dalam menentukan hukum berkahwin kepada beberapa mazhab yang akan kami terangkan sebagaimana berikut:

- *Mazhab Dzhahiri: kahwin adalah wajib. Orang yang meninggalkan berkahwin dikira berdosa.*
- *Mazhab Syafi’i: kahwin adalah harus. Tidak berdosa meninggalkannya.*
- *Mazhab jumhur ulama; Maliki, Hanafi, dan Hanbali: kahwin adalah mustahab dan mandub bukannya wajib.*[63]

Menurut pendapat jumhur, kahwin itu tidak wajib. Jadi, tidak ada salahnya untuk tidak berkahwin atau menangguhkannya.

Dalam mazhab kita, hukum perkahwinan pada asalnya harus. Jika seseorang itu memerlukan perkahwinan dan dalam masa yang sama mempunyai kemampuan dari segi rohani dan material, hukum kahwin baginya mustahab.

Bagi orang yang ingin berkahwin tetapi tidak mampu, maka lebih baik baginya untuk meninggalkan perkahwinan. Nafsu syahwatnya pula perlu dikendurkan dengan berpuasa. Akan tetapi, jika keinginannya untuk berkahwin tidak juga dapat ditahan, hendaklah ia berkahwin.

Orang yang tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dan dalam masa yang sama tidak mampu, maka

[63] Rawa’i’ al-Bayan oleh al-Shabuni, jil. dua, hal. 149.

hukum kahwin baginya adalah makruh. Jika ia mampu, lebih baik ia mengisi hidupnya dengan beribadat sekiranya ia ahli ibadat. Jika ia bukan ahli ibadat, lebih afdal ia berkahwin.

Dengan kata lain, manusia tergolong dalam tiga golongan:
Golongan pertama: orang-orang yang mempunyai keinginan yang kuat untuk berkahwin. Hukum berkahwin bagi golongan ini adalah mandub.

Golongan kedua: orang-orang yang tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin sama sekali. Hukum berkahwin bagi mereka adalah makruh.

Golongan ketiga: orang-orang yang keinginannya untuk berkahwin tidak berapa kuat dan mampu bersabar. Golongan ini terbahagi kepada dua iaitu orang-orang yang hidupnya sibuk dengan perkara-perkara ketaatan kepada Allah seperti ibadah dan menuntut ilmu dan orang-orang yang sibuk dengan perkara-perkara keduniaan.

Kelompok pertama lebih afdal untuk tidak berkahwin manakala kelompok kedua pula sebaliknya.[64]

Mungkin ada antara pemuda-pemudi kita yang menangguhkan perkahwinan kerana termasuk dalam golongan kedua dan ketiga yang hidup mereka disibukkan

---

[64] Rujukan: al-Umm oleh al-Syafi’i, jil. 5, hal. 144, al-Hawi fi Fiqh al-Syafi’i oleh al-Mawardi, jil. 9, hal. 72, al-Iqna’ fi Hall Alfadzh Abi Syuja’ oleh al-Khathib al-Syarbini, al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madzhab al-Imam al-Syafi’i oleh Musthafa al-Khin, Mushthafa al-Bugha, dan ‘Ali al-Syarabji; jil. 2, hal. 7; dan al-Fiqh ‘ala Madzahib al-Arba’ah jil. 4, hal. 8 oleh ‘Abd al-Rahman al-Jaziri, dan lain-lain.

dengan perkara-perkara ketaatan. Kahwin bagi mereka tidak berapa penting. Mereka pun tidak berfikir tentangnya.

Barangkali juga mereka tidak berkahwin kerana kahwin hanya sunat, bukan wajib. Sebab itulah, terdapat segolongan sahabat *radhiyallahu'anhum* dan sebilangan ulama yang tidak berkahwin.

Perlu diambil perhatian, khilaf ulama dalam masalah ini hanya dalam keadaan seseorang itu terpelihara daripada maksiat dan zina. Bagi orang yang merasakan dirinya boleh tergelincir melakukan maksiat dan zina, ulama bersepakat bahawa ia wajib berkahwin. Kata al-Imam al-Qurthubi:
Orang yang mempunyai kemampuan dan bimbangkan kemudaratan kepada diri dan agamanya disebabkan tidak berkahwin yang masalahnya itu tidak akan selesai melainkan dengan berkahwin, tidak diperselisihkan kewajipan berkahwin ke atasnya.[65]

Yang menjadi masalahnya, sebahagian daripada mereka tidak mampu menunaikan kewajipan ini kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Setelah dengan berusaha sedaya upaya namun masalah tersebut tidak juga dapat diselesaikan, pada ketika itu, mereka dimaafkan.

Allah tidak akan membebankan seseorang dengan sesuatu yang melebihi kemampuannya. Firman istimewa daripada Allah kepada golongan ini:
وَلْيَسْتَعْفِفِ الَّذِينَ لا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمْ اللَّهُ مِن فَضْلِه.
Dan orang-orang yang tidak mampu berkahwin hendaklah memelihara kesucian dirinya sehingga Allah memberikan kemampuan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya.

---

[65] Dinukilkan dalam Nail al-Authar min Ahadits Sayyid al-Akhyar Syarh Muntaqa al-Akhbar oleh al-Syaukani, jil. 5, hal. 489.

Tunggu Dulu!

Mantapkan Ilmu dan Amal

Kahwin adalah satu perkara yang amat besar. Hidup seseorang bakal berubah dengan sebuah perkahwinan.

Kalau dulu, tidur berseorangan di atas katil, kini sudah berdua. Kalau dulu tinggal di rumah keluarga, kini tinggal di rumah sendiri. Kalau dulu tidur di atas katil *single* kini tidur di atas katil besar. Kalau dulu, mak si dia sama macam mak orang-orang lain, kini sudah menjadi mak sendiri.

Alangkah besarnya urusan ini!

Kahwin umpama mengerjakan haji di Mekah. Sebelum bertolak ke Mekah, banyak persediaan yang dilakukan. Wang dikumpulkan selama beberapa tahun. Apabila waktu untuk mengerjakan haji hampir, ilmu-ilmu berkaitan dimantapkan. Hukum-hakam haji dipelajari dengan teliti. Persediaan meliputi mental dan fizikal.

Demikianlah juga kahwin, ada beberapa persiapan yang perlu dilakukan untuk menghadapinya. Perkara yang paling penting adalah memantapkan ilmu-ilmu agama.

Sebagaimana yang kita semua maklumi, mencari ilmu adalah satu kewajipan. Kita sering mendengar bahawa Rasulullah SAW diriwayatkan bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap orang Islam.[66]

---

[66] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah (224). Kata al-Ruba'i dalam Fath al-Ghaffar al-Jami' bi Ahkam Sunnah Nabiyyina al-Mukhtar : dan

Namun, bukan semua ilmu wajib dipelajari. Ada ilmu yang hukum mempelajarinya adalah fardu ain dan ada yang fardu kifayah. Ada juga ilmu yang haram dipelajari.

Ilmu fardu ain adalah ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu. Antaranya, akidah, solat, puasa, zakat, dan sebagainya sebagaimana yang diketahui umum.

Selain itu, terdapat ilmu yang bukan fardu ain tetapi kemudiannya berubah menjadi fardu ain. Hal ini berlaku apabila seseorang hendak melakukan sesuatu yang tidak boleh tidak mesti dengan ilmu. Misalnya, ilmu tajwid.

Ilmu tajwid pada asalnya tidak wajib tetapi apabila seseorang hendak membaca al-Quran, ia wajib mempelajari tajwid kerana tanpa ilmu tajwid, seseorang itu akan melakukan kesilapan dalam bacaan al-Quran.

Ilmu fardu kifayah pula ilmu yang wajib dipelajari oleh sebahagian individu dalam sesuatu masyarakat. Apabila sebahagian individu telah mempelajarinya, sebahagian yang lain tidak lagi wajib mempelajarinya. Misalnya, ilmu qiraat, bahasa Arab, perubatan, matematik, dan sebagainya. Jika tidak ada yang mempelajarinya, maka, seluruh individu dalam sesuatu masyarakat itu menanggung dosa.

---

isnadnya dha'if jiddan tetapi mempunyai syahid-syahid yang kuat dan telah diriwayatkan daripada 20 orang tabi'in daripada Anas. Al-'Iraqi telah memanjangkan perbahasan tentangnya dalam takhrijnya yang besar ke atas al-Ihya'. Kata al-Baihaqi: matannya masyhur sedangkan isnadnya dha'if. Kata al-'Iraqi: sebahagian ulama mensahihkan sebahagian jalannya. Kata al-Mizzi: sesungguhnya jalan-jalannya mencapai darjat hasan. Kata Ibn al-Qaththan: sesungguhnya hadis ini gharib baik sanadnya. Sekian kata-kata al-Ruba'i. Disahihkan oleh al-Albani.

Ilmu yang haram dipelajari pula adalah ilmu-ilmu yang boleh membawa kepada kerosakan kepada diri dan orang lain dan membawa kepada kekufuran. Contohnya, ilmu sihir, astrologi, dan sebagainya.[67]

Dalam konteks perkahwinan, seseorang yang ingin berkahwin mestilah melengkapkan mereka dengan ilmu-ilmu berkaitan seperti persoalan nikah cerai, adab-adab pergaulan antara suami dan isteri, cara-cara mendidik isteri dan anak-anak, dan sebagainya; selain ilmu-ilmu yang fardu ain yang asas-asas.

Disarankan kepada bakal-bakal pengantin dengan penekanan kepada bakal pengantin lelaki supaya mempelajari ilmu-ilmu berikut:

- Tajwid (*'ilm al-tajwid*).
- Akidah (*'ilm al-'aqidah*).
- Fikah ibadah (*fiqh al-'ibadat*).
- Fikah jual beli (*fiqh al-mu'amalah al-maliyah*).
- Fikah perkahwinan (*fiqh al-munakahat*).

Ilmu tajwid al-Quran disarankan untuk dipelajari kerana ilmu ini merupakan asas kepada kehidupan beragama seorang Muslim.

Tanpa ilmu ini, seseorang itu pasti tidak akan membaca al-Quran; jauh sekali untuk mempelajari maknanya dan menghayati kitab Allah ini dalam kehidupan.

Ilmu akidah pula berfungsi untuk menanam akidah Islam yang sahih dalam diri seorang Muslim dan

[67] Rujukan: Ihya' 'Ulum al-Din oleh al-Ghazali, jil. satu, hal. 29-33.

memeliharanya daripada sebarang akidah dan fahaman yang sesat.

Tanpa ilmu ini, seseorang itu mudah terjebak melakukan sesuatu yang menyalahi akidah yang sahih seperti syirik, khurafat, dan tahayul serta mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah sesat dan kufur mazhab, agama, dan ideologi-ideologi lain.

Pada masa yang sama, fikah ibadat atau pengetahuan tentang ibadat-ibadat asas diperlukan untuk mengetahui tatacara melaksanakan ibadat dengan cara yang tepat menurut syariat Nabi Muhammad SAW. Suami yang memiliki pengetahuan yang lengkap tentang ilmu ini mudah untuk terus mempraktikkannya dalam kehidupan rumah tangga serta mengajarkannya kepada isteri dan anak-anak.

Tanpa ilmu ini, kemungkinan besar pelaksanaan ibadat oleh suami isteri akan mengalami kecacatan yang akan diwarisi oleh anak-anak. Sesebuah keluarga yang jahil juga hanya akan menjadi pak turut masyarakat dalam mengamalkan agama.

Seorang individu yang normal tidak boleh lari daripada menjalankan urusan kewangan dengan individu atau pihak lain. Urusan ini menjadi lebih besar dan pelbagai apabila umur individu tersebut semakin meningkat. Setiap perkara mempunyai hukumnya. Setiap urusan yang dilakukan juga mempunyai hukum. Ada yang halal dan ada yang haram. Jadi, di sini, fikah jual beli tampil sebagai pembimbing untuk mengenal mana yang halal dan mana yang haram.

Tanpa ilmu ini, sesebuah keluarga mungkin akan tergelincir menjalankan sesuatu urusan kewangan yang haram di sisi syariat dan kadang-kadang tanpa disedari.

Implikasi yang akan diterima oleh sesuatu keluarga akibat pelaksanaan urusan yang haram ini terlalu besar.

Sebagai contohnya, seorang suami bekerja di bank konvensional yang menjalankan sistem riba tanpa menyedari bahawa hukum bekerja di sana adalah haram sukar untuk berhenti apabila mendapati keharamannya. Akibatnya, nafkah yang diberikan kepada isteri dan anak-anak adalah dari harta yang haram.

Selain itu, bakal penghuni alam rumah tangga juga perlu mempelajari fikah perkahwinan. Ilmu ini berperanan memberi kefahaman yang jitu kepada suami dan isteri tentang hukum-hakam yang berkaitan supaya hubungan antara mereka terus berlangsung secara sahih di sisi syariat.

Tanpa ilmu ini, mungkin akan terdapat masalah dalam hubungan perkahwinan seseorang sehingga hubungan tersebut dikira rosak menurut hukum agama tanpa disedari. Sebagai contoh, seorang suami melafazkan talak dengan niat bergurau tanpa menyedari bahawa sebenarnya talak telah jatuh.

Kaedah terbaik untuk mempelajari kelima-lima ini ini adalah dengan menghadiri kuliah-kuliah dan ceramah-ceramah agama. Tidak ada salahnya belajar dengan membaca buku tetapi seelok-eloknya tidak menjadikan buku sebagai guru. Kaset dan cakera padat pula boleh dijadikan alat bantuan belajar.

> **Insaf**
>
> Kata Sayyidina ‘Umar RA:
>
> تَفَقَّهُوا قَبْلَ أَنْ تُسَوَّدُوا
>
> Dalamilah agama sebelum kamu menjadi pemimpin.
>
> [Al-Bukhari secara ta’liq jil. satu hal. 28]

العِلْمُ بِلاَ عَمَلٍ كَالشَجَرِ بلاَ ثَمَرٍ

Ilmu tanpa amal seperti pokok tanpa buah.

Demikianlah pepatah Arab yang memberi gambaran kepada kita tentang kepentingan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Setiap ilmu yang dipelajari hendaklah diamalkan. Tidak memadai hanya tahu teori tidak tahu cara mempraktikkannya. Umpama pokok yang ditanam tidak berbuah. Sia-sia jadinya.

Setiap ilmu mempunyai kegunaan yang tersendiri. Kegunaan ilmu agama adalah untuk menjadi hamba Allah yang sejati; yang mengamalkan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya sekali gus meraih *redha* Allah yang agung. Lantas, bagaimanakah kita dapat mencapai matlamat ini tanpa amal?

Renungilah nasihat al-Imam al-Ghazali kepada muridnya dalam suratnya yang masyhur:
Wahai anakku, sekiranya engkau membaca seratus tahun lamanya dan engkau himpun seribu buah kitab sekalipun, engkau tidak akan bersedia untuk mendapat rahmat Allah kecuali dengan amal...[68]

Namun, mengamalkan ilmu tidak mudah. Ada perkara wajib yang kita tidak pernah buat tetapi kerana sudah tahu kewajipannya, kita terpaksa lakukan. Ada perkara haram yang kita selalu buat tetapi kerana sudah tahu keharamannya, kita terpaksa tinggalkan. Kadang-kadang amat sukar untuk meninggalkannya kerana sudah sebati dalam diri kita.

Tapi, inilah jalan yang perlu kita lalui untuk sampai ke syurga. Bersabar dan berusahalah untuk bertakwa kepada Allah mengikut kemampuan diri. Rasulullah SAW bersabda:

---

[68] Ayyuha al-Walad oleh al-Ghazali, hal. 10.

مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَافْعَلُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Apa yang aku larang maka jauhilah dan apa yang aku suruh maka lakukan apa yang kamu mampu.[69]

Apa Kata Orang Tua?

Tunggu dulu! Apa kata orang tua? Mereka setuju atau tidak?

Ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Islam. Selaku insan yang bertanggungjawab melahirkan dan membesarkan anak-anak, mereka adalah manusia yang perlu dihormati, dipatuhi, disayangi, dan disantuni.

Ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis banyak menyebut tentang perkara ini.[70] Adab-adab digariskan dengan jelas untuk memelihara kedudukan mereka yang mulia. Antaranya, anak-anak perlu merendahkan suara apabila bercakap dengan mereka, melayan mereka dengan baik, menjaga hati mereka, dan sebagainya.

Anak tetap anak walaupun telah meningkat dewasa. Anak tetap anak meskipun anak wajib berkahwin. Jadi, tidak mesti tidak, anak-anak mesti meminta restu daripada mereka sebelum melangsungkan perkahwinan.

Anak-anak yang berkahwin di luar pengetahuan ibu bapa tanpa sebab-sebab yang munasabah di sisi agama boleh disifatkan sebagai biadab. Bagaimanakah perasaan ibu bapa apabila mengetahui anaknya tiba-tiba sahaja membawa

---

[69] Al-Bukhari (7288), Muslim (6259), al-Nasa'i (2619), Ibnu Majah (2), dan Ahmad (7361).

[70] Sila rujuk ayat ke-83 Surah al-Baqarah, ayat ke-36 Surah al-Nisa', ayat ke-13 dan ke-14 Surah Luqman; dan ayat ke-23 dan ke-24 Surah al-Isra'.

pulang isteri yang dikahwini tanpa sebarang khabar berita? Aduh, apa salah ibu mengandung!

Pada dunia yang serba moden ini, anak-anak sudah pandai melawan ibu bapa. Reda ibu, restu ayah, ah, tidak dipeduli! Yang penting, kehendak hati.

Di sana sini timbul kes kahwin lari. Kononnya, cinta. Siapakah yang lebih berhak dicintai dan disayangi daripada ibu dan ayah? Kononnya, cinta. Cinta apa kalau sampai orang tua sendiri diketepikan?

Kekasihkah yang melahirkan, menyusu, dan membesarkan kamu atau ibu? Kekasihkah yang menjaga kamu semasa kecil, mencari rezeki, dan menghantar kamu ke sekolah atau ayah? Cinta konon!

Aduhai hati, bertenanglah ketika membaca kalam Tuhan SWT ini:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلاَّ تَعْبُدُواْ إِلاَّ إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا
أَوْ كِلاَهُمَا فَلاَ تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلاَ تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلاً كَرِيمًا. وَاخْفِضْ لَهُمَا
جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا.

Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari mereka berdua atau kedua-duanya sekali sampai kepada usia tua dalam jagaanmu, janganlah engkau berkata kepada mereka 'ah' dan janganlah engkau menengking mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada mereka berdua kerana belas kasihan dan sayang dan katakanlah (sebagai doa untuk mereka) "wahai Tuhanku, rahmatilah mereka sebagaimana mereka mendidikku semasa kecil." [Surah al-Isra'; ayat ke-23 dan ke-24]

Bertitik tolak dari situ, pohonlah restu mereka sebelum berkahwin. Ya, walaupun kahwin itu wajib bagimu! Jika mereka enggan memberi restu, maka pada saat itu, perhatikan, apakah sebabnya?

Mungkin mereka tidak tahu bahawa anaknya ini terdesak untuk berkahwin. Mungkin juga mereka bimbang kahwin akan mengganggu pelajaran. Mungkin juga mereka tidak berkenan dengan calon pilihan anak. Mungkin juga mereka enggan berkongsi kasih sayang dengan isteri dan keluarga baru.

Hadapilah situasi ini dengan tenang. Luahkan isi hati. Yakinkan mereka bahawa anak mereka ini masih mampu belajar dengan baik walaupun sudah berumah tangga. Tunjukkan kebaikan calon pilihan atau carilah calon yang disukai oleh mereka. Buktikan bahawa kasih sayang kepada mereka tetap nombor satu walaupun ada keluarga baru.

Namun, bonda dan ayahanda masih belum setuju. Surat persetujuan belum jua ditandatangani. Lidah tidak juga lembut untuk mengucapkan kata setuju. Kepala tetap kaku untuk mengangguk tanda mengizinkan.

Pada saat ini, buatlah pertimbangan dengan saksama. Adakah aku perlu berkahwin sebagai melaksanakan kewajipan dan memelihara diri daripada melakukan perkara-perkara haram atau menahannya demi menjaga hati ibu dan ayahku yang juga merupakan satu kewajipan? Bisikkan persoalan ini dalam diri. Diam-diam.

Timbang-timbangkanlah. Tidak ada seorang pun di atas muka bumi ini yang dapat memberi kata putus bagi

sesiapa yang menghadapi keadaan ini melainkan diri sendiri. Kahwin atau ibu bapa? Hanya diri sebagai penentu.

Rasulullah SAW bersabda:

الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ وَالإِثْمُ مَا حَاكَ فِى نَفْسِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ.

Perkara yang baik ialah akhlak yang baik dan dosa ialah apa-apa yang bergetar-getar dalam jiwamu dan engkau tidak suka sekiranya perkara itu dilihat oleh orang lain.[71]

Rasulullah SAW diriwayatkan dengan sanad yang bermasalah telah bersabda kepada Wabishah bin Ma'bad RA:

يَا وَابِصَةُ اسْتَفْتِ قَلْبَكَ وَاسْتَفْتِ نَفْسَكَ (ثلاث مرات) الْبِرُّ مَا اطْمَأَنَّتْ إِلَيْهِ النَّفْسُ وَالإِثْمُ مَا حَاكَ فِي النَّفْسِ وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ وَأَفْتَوْكَ.

Wahai Wabishah, tanyalah hatimu, dan tanyalah hatimu! (Beliau mengulanginya tiga kali) Perkara yang baik ialah apa-apa yang membuat jiwamu tenang dan dosa ialah apa-apa yang bergetar-getar dalam jiwa dan bermain-main dalam dada walaupun manusia telah memberi hukum kepadamu dan walaupun mereka telah memberi hukum kepadamu.[72]

Berdasarkan hadis tadi, tiada guna sama sekali kalau kami memberikan hukum perlu memilih kahwin atau mentaati ibu bapa sedangkan hati berasa tidak tenang dengan apa yang kami nyatakan. Tepuk dada tanya iman. Adapun kami, hanya membantu.

'Abdullah bin Mas'ud RA berkata:

---

[71] Diriwayatkan oleh Muslim (6680), al-Tirmidzi (2389), Ahmad (17668), dan Ibnu Hibban (397).

[72] Diriwayatkan oleh Ahmad (18035). Riwayat Ahmad didha'ifkan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Riwayat Ahmad berkemungkinan dengan lafaz yang lain dihasankan oleh al-Albani. Wallahua'lam.

سَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللهِ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ قَالَ الصَّلاَةُ عَلَى مِيقَاتِهَا قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ قُلْتُ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ...

Aku pernah bertanya Rasulullah SAW. Aku bertanya "wahai Rasulullah, apakah amalan yang paling afdal?" Jawab baginda: solat pada waktunya. Aku bertanya lagi "kemudian apa?" Jawab baginda: berbuat baik kepada ibu bapa. Aku bertanya lagi "kemudian apa?" Jawab baginda: berjihad di jalan Allah…[73]

Berbuat baik kepada ibu bapa adalah antara amalan yang paling *afdhal* sedangkan berkahwin tanpa restu daripada mereka adalah sesuatu yang berlawanan dengan amalan ini. Sanggupkah anda melakukannya?

Namun, Rasulullah SAW juga bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلاَ سَمْعَ وَلاَ طَاعَةَ.

Dengar dan patuh adalah satu perkara yang benar selagi tidak disuruh melakukan perkara dosa. Apabila disuruh melakukan perkara dosa maka tidak ada dengar dan patuh lagi.[74]

Kahwin wajib. Tak kahwin haram. Jadi, ibu bapa menyuruh melakukan perkara haram dengan melarang anaknya daripada berkahwin. Menurut hadis di atas, tidak harus mentaati sesuatu perintah supaya melakukan perkara yang haram. Adakah anda sanggup mentaati mereka berdua dalam melakukan perkara yang haram ini?

Rasulullah SAW diriwayatkan bersabda:

---

[73] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (2782), Muslim (262), dan al-Tirmidzi (173).

[74] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (2955), Muslim (4869), Abu Dawud (2628), al-Tirmidzi (1707), al-Nasa'i (4206), dan Ahmad (4668).

رِضَا الرَّبِّ فِي رِضَا الْوَالِدِ وَسَخَطُ الرَّبِّ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Keredaan Tuhan terletak pada keredaan ayah dan kemurkaan Tuhan terletak pada kemurkaan ayah.[75]

Keredaan dan kemurkaan Allah bergantung kepada keredaan dan kemarahan ayah dan ibu.[76] Mereka tidak reda kalau anaknya berkahwin. Lantas, beranikah anda menghadapi kemurkaan Allah?

Tetapi, jangan pula lupa sebuah hadis baginda SAW:

مَنِ الْتَمَسَ رِضَاءَ اللَّهِ بِسَخَطِ النَّاسِ كَفَاهُ اللَّهُ مُؤْنَةَ النَّاسِ وَمَنِ الْتَمَسَ رِضَاءَ النَّاسِ بِسَخَطِ اللَّهِ وَكَلَهُ اللَّهُ إِلَى النَّاسِ.

Barang siapa mencari keredaan Allah dengan kemarahan manusia, pasti Allah akan mencukupkan keperluan manusia kepadanya. Barang siapa mencari keredaan manusia dengan kemurkaan Allah, pasti Allah akan meninggalkannya kepada manusia.[77]

Anak-anak berkahwin adalah demi mencapai reda Allah. Mereka berusaha berkahwin walaupun dimurkai oleh

---

[75] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (1899), al-Hakim (7249), Ibnu Hibban (429), dan al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (2) secara marfu’ dan mauquf. Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi; dan dihasankan oleh al-Albani. Al-Tirmidzi mengatakan bahawa riwayat secara mauquf lebih sahih. Kata al-Bazzar: dan aku mendengar sebahagian sahabat kami meriwayatkannya daripada Sahl bin Hammad daripada Syu’bah secara marfu’ tetapi aku menolaknya. Diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi dalam Syu’b al-Iman (7446) dengan lafaz الوالدين (ibu dan ayah) menggantikan kalimah الوالد (ayah). Wallahu’alam.

[76] Berdasarkan riwayat al-Baihaqi (7446) serta qiyas.

[77] Diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (2414) dan disahihkan oleh al-Albani. Diriwayatkan juga oleh Ibnu Hibban (277) dengan lafaz lain; dihasankan oleh Syu’aib al-Arna’uth.

kedua-dua orang tua. Lantas, beranikah anda menghadapi kemurkaan orang tua untuk mendapat keredaan Allah?

Timbang-timbangkanlah. Kahwin atau ibu bapa?

Sebagai membantu keputusan yang tepat dibuat, adalah disarankan supaya dua tiga perkara ini dilakukan terlebih dahulu.

Pertama, kaji sejauh mana munasabahnya alasan ibu bapa tidak membenarkan anak-anaknya berkahwin. Jika sebabnya remeh dan diada-adakan, teruskan niat yang suci itu. Jika tidak, maka sebaliknya.

Remeh atau tidak sesuatu alasan itu pula hendaklah dinilai dengan kaca mata syariat sebagai penilai utama. Jika alasan yang diberikan bersifat kebendaan seperti tidak mahu harta anak dikongsi dengan orang lain atau menyalahi syariat seperti calon enggan mendedahkan aurat maka tidak syak lagi bahawa alasan-alasan ini tidak dipedulikan.

Antara alasan yang munasabah ialah anaknya ingin berkahwin pada usia yang terlalu muda seperti bawah 15 tahun, perangai anak yang terlalu buruk yang dibimbangi akan membuatkan isteri menderita, dan calon pilihan anak yang tidak diredai agama.

Kedua, lihat sejauh mana seriusnya ibu bapa menghalang atau membenci perkahwinan tersebut. Jika ibu bapa menyatakan bahawa mereka hanya lebih suka jika anaknya menangguhkan perkahwinan tetapi tidak menghalangnya maka tidak ada salahnya bagi si anak untuk berkahwin.

Jika ibu bapanya terlalu serius sehingga menuduh anaknya derhaka jika berkahwin maka keputusan untuk berkahwin perlu dipertimbangkan semula.

Ketiga, tilik diri sendiri, adakah betul-betul terdesak untuk berkahwin. Memang betul, kahwin wajib bagi kebanyakan pemuda-pemudi tetapi keperluan untuk berkahwin berbeza tahapnya mengikut individu.

Ada yang berada dalam keadaan yang benar-benar mencabar iman seperti belajar di Eropah. Jika tidak kahwin, besar kemungkinan seseorang itu boleh terbabas melakukan perkara-perkara haram.

Ada yang berada dalam keadaan yang lebih terjaga seperti tinggal di Mekah dan Madinah yang terkawal pergaulan antara lelaki dan perempuan. Dalam keadaan ini, seseorang itu lebih terpelihara daripada melakukan perkara-perkara haram.

Jelaslah, individu yang menghadapi keadaan yang pertama lebih perlu kepada perkahwinan daripada individu yang kedua. Begitu jugalah dengan keadaan lain seperti tahap kekuatan syahwat dan dorongan nafsu yang lebih difahami oleh diri sendiri.

Betul?

Pilih yang Terbaik

Memilih pasangan hidup bukanlah sesuatu yang mudah. Pasangan yang dipilih bakal menjalani hidup sehari-hari bersama kita dan kalau panjang umur, sampai mati.

Ramai yang memuja kecantikan lalu mencari-cari isteri yang cantik. Tidak kurang ramainya orang yang merasa gah dengan pangkat dan kemuliaannya di sisi masyarakat lalu mencari pasangan yang dianggapnya sepadan. Ada juga yang kaya-raya mempunyai harta berjuta-juta, lalu mencari pasangan yang juga kaya-raya.

Apa yang menjadi kebiasaan manusia ini sudah pun disebut dalam sabda Rasulullah SAW:

تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ.

Wanita dikahwini kerana empat perkara iaitu kerana harta, keturunan, kecantikan, dan agamanya maka pilihlah yang beragama, nescaya melekatlah tanganmu ke tanah.[78] [79]

Namun, yang biasa dilakukan oleh orang tidak semestinya betul. Yang sepatutnya dipilih ialah wanita yang beragama; tapi tidaklah bermakna perkara-perkara lain diketepikan sama sekali. Kecantikan, keturunan, tahap pendidikan, dan sebagainya ada kedudukan yang tersendiri di sisi agama.

Dengan mempunyai isteri yang cantik, mata suami lebih terjaga. Isteri yang berketurunan orang-orang yang soleh pula diharapkan dapat melahirkan anak-anak yang

---

[78] Kata Ibnu ‘Arafah: dimaksudkan dengan ‘melekat tanganmu ke tanah’ jika engkau tidak melakukan apa yang aku suruh. [Ikmal al-Mu’lim Syarh Shahih Muslim oleh al-Qadhi ‘Iyadh, jil. 22, hal. 79] Kata al-‘Adzhim Abadi: … dan di sini bukan bermaksud doa tetapi galakan supaya berusaha dan bersungguh-sungguh dalam mendapatkan apa yang disuruh. [‘Aun al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Dawud, jil. 6, hal. 43]

[79] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (5090), Muslim (3708), Abu Dawud (2049), Ibnu Majah (1858), dan Ahmad (9517).

soleh. Pendidikan isteri yang tinggi boleh membantu suami untuk berkerja untuk Islam.

Adapun yang dimaksudkan dengan ‘memilih wanita yang beragama’ adalah menjadikan agama sebagai kriteria utama dalam proses memilih calon.

Ramai perempuan yang cantik tapi tidak beragama. Cantik hanya pada luaran sedangkan peribadinya buruk. Solat, aurat, dan pergaulan tidak dijaga. Adab dengan ibu bapa, orang tua, dan rakan-rakan diremeh-remehkan. Mungkinkah perempuan semacam ini boleh memelihara maruah diri dan hati suaminya nanti?

Insaf

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Dunia adalah nikmat dan sebaik-baik nikmat dunia adalah wanita yang solehah. [Muslim (3716)]

Alangkah bahagianya hati seorang lelaki jika dianugerahkan isteri yang beragama dan cantik! Sejuk mata memandang wajahnya, sejuk telinga mendengar suaranya, dan sejuk hati mengingatkannya. Namun, di manakah hendak dicari jelmaan bidadari-bidadari yang semakin menghilang ini?

Selalunya perempuan, apabila mendapat nikmat kecantikan daripada Allah akan menyalahgunakannya dengan menggoda para pemuda. Ke sana ke mari memperagakan diri. Apabila cuba dipikat, jual mahal. Semakin ramai yang gilakannya, semakin ia suka. Hebatnya diriku, cantiknya rupaku! Betapa hebatnya betina ini mampu menahan seksa neraka dan betapa cantiknya ia apabila dibakar hangus kelak!

Demikian jugalah pula bagi calon-calon suami. Agama mestilah menjadi kriteria utama. Seseorang perempuan itu tidak seharusnya terpukau dengan pinangan oleh seorang lelaki yang tampan; jika ketampanannya tidak disertai dengan ketakwaan. Ingatlah, kecantikan rupa paras tidak mempunyai sebarang nilai di sisi Allah.

Rasulullah SAW pernah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لاَ يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa paras dan harta benda kamu tetapi Dia memandang kepada hati dan perbuatan-perbuatan kamu.[80]

Selain beragama, perkara-perkara yang dapat membantu menyampaikan seseorang kepada tujuan-tujuan perkahwinan juga perlu diberikan perhatian. Antara tujuan perkahwinan adalah mengendurkan nafsu, menjaga maruah, mendapat zuriat, dan sebagainya. Justeru, perkara-perkara yang membawa kepada matlamat-matlamat ini juga perlu dijadikan ukuran dalam pemilihan.

Contohnya, calon yang cantik atau tampan perlu diutamakan supaya dapat memelihara pandangan sehingga tidak lagi terintai-intai orang lain. Perempuan yang dara lebih didahulukan daripada janda kerana layanan perempuan yang lebih mesra sehingga dapat memuaskan hati suami.

Calon yang dicintai perlu diutamakan kerana cinta sudah wujud dalam diri maka mudahlah untuk bercambah setelah kahwin. Calon yang mampu melahirkan anak pula lebih didahulukan daripada calon yang mandul kerana antara

---

[80] Diriwayatkan oleh Muslim (6708), Ibnu Majah (4143), Ahmad (7814), dan Ibnu Hibban (394). Riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Disahihkan oleh al-Albani.

tujuan kahwin adalah untuk mendapat zuriat. Begitu juga dengan perkara-perkara lain yang dirasakan dapat membantu mencapai tujuan-tujuan perkahwinan.

Pada masa yang sama, konsep kufu antara calon suami dan isteri juga perlu diambil kira tanpa berlebih-lebihan sehingga memunculkan sistem kasta dalam Islam. Jika dirasakan bahawa calon yang bakal dikahwini tidak sekufu dalam beberapa segi yang akan membawa pelbagai masalah antara suami isteri pada masa akan datang, seelok-eloknya calon tersebut diketepikan.

Pastikan juga calon yang dipilih disukai atau diredai oleh ibu bapa dan keluarga supaya tidak timbul masalah pada hari-hari kemudian. Selain itu, seseorang juga perlu memastikan calon isteri atau suaminya mampu menjadi ibu atau bapa yang terbaik untuk anak-anaknya.

Ingat, siapa yang anda pilih pada hari ini bukan sahaja akan bersama-sama anda sepanjang hayat, insya-Allah; malah mungkin sehingga ke dalam syurga; atau neraka.

Satu lagi, jangan lupa istikharah!

Kahwinlah kerana Allah

Rasulullah SAW diriwayatkan bersabda:

ثَلَاثَةٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ عَوْنُهُمْ الْمُكَاتَبُ الَّذِي يُرِيدُ الْأَدَاءَ وَالنَّاكِحُ الَّذِي يُرِيدُ الْعَفَافَ وَالْمُجَاهِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

Tiga golongan yang berhak mendapat pertolongan daripada Allah iaitu: hamba yang ingin memerdekakan diri, orang yang berkahwin untuk memelihara diri daripada perkara-

perkara haram, dan orang yang berjuang pada jalan Allah.[81]

Kahwinlah dengan kerana Allah; kerana ingin melaksanakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Kahwinlah supaya jiwa menjadi tenang dan tenteram dalam pengabdian diri kepada-Nya. Kahwinlah dengan tujuan mencapai matlamat-metlamat yang diredai syarak seperti mendapat zuriat yang akan berdoa setelah mati dan membina sebuah institusi keluarga Muslim yang akan bekerja untuk Islam, pasti akan beroleh rahmat dan inayat yang telah dijanjikan daripada Allah.

Usahlah berkahwin dengan matlamat-matlamat keduniaan seperti mendapatkan harta, kedudukan, dan keseronokan. Jangan bazirkan masa dan tenaga begitu saja tanpa dicatit dalam kitab sebagai amal kebajikan. Ingatlah, setiap perbuatan itu tidak dikira sebagai ibadat atau kebajikan melainkan jika dilakukan kerana Allah!

Malah, janji Allah untuk mengurniakan kekayaan kepada orang-orang yang berkahwin pun hanya jika dilakukan kerana-Nya; bukan kerana semata-mata untuk menagih janji tersebut. Kata al-Syaikh Muhammad al-Amin al-Syanqithi:
Dan zahirnya, orang yang berkahwin yang dijanjikan Allah dengan kekayaan adalah orang yang berkahwin supaya dapat membantunya dalam mentaati Allah dengan menundukkan pandangan serta menjaga kemaluan seperti yang diterangkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis…[82] [83]

---

[81] Lafaz lain bagi hadis yang telah ditakhrij sebelum ini.
[82] Iaitu hadis يا معشر الشباب sebagaimana yang telah disebut sebelum ini.
[83] Adhwa' al-Bayan fi Idhah al-Qur'an bi al-Qur'an oleh al-Syanqithi, jil. 5, hal. 531.

Tawakal

Setelah hati bulat untuk berkahwin, maka lakukanlah dan kemudian bertawakallah kepada Allah. Jangan bimbang ditimpa kemiskinan, kerana janji Allah sudah termaktub dalam al-Quran. Jangan sesekali takut dikata orang, kerana reda Allah lebih utama dari reda manusia. Jangan risau tentang masa depan rumah tangga, kerana kita berkahwin adalah kerana menyahut perintah Allah; maka kepada-Nyalah kita berserah diri.

Ramai yang berkata bahawa kahwin pada usia muda banyak masalahnya. Pelajaran akan terganggu. Nafkah terbeban di atas bahu suami. Ramai yang kahwin muda bercerai. Suami dan isteri banyak karenah, belum matang, belum cukup umur, dan masih berhingus!

Katakanlah kepada orang-orang yang berkata: kami kahwin adalah kerana mematuhi suruhan Allah maka apa yang berlaku akibat perkahwinan ini adalah urusan Allah. Dia yang menyuruh kami berkahwin, Dialah juga yang bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku kepada kami nanti sebagaimana Dia memerintahkan kami supaya tetap solat walaupun dalam keadaan sakit dan menahan kami dari makan dan minum ketika berpuasa sehingga kami berasa susah dan sulit; semua itu adalah urusan-Nya. Kami hanya melaksanakan perintah Tuhan yang maha mengetahui lagi maha bijaksana. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan kudrat dan kuasa Allah *ta'ala*.

Ketahuilah, segala-galanya telah tersurat dalam takdir-Nya. Jika Dia mengehendaki atau menahan sesuatu, tidak ada sesuatu pun yang mampu menghalang. Kami sudah berusaha dan berikhtiar semampu kami untuk mencapai

kejayaan dalam hidup dengan menuruti perintah-Nya. Jika demikian takdir-Nya, kami reda. Dia adalah Tuhan kami.

Firman Allah *ta'ala*:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Katakanlah (wahai Muhammad): tidak sesekali akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan oleh untuk kami. Dialah pelindung kami; dan kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakal. [Surah al-Taubah; ayat ke-51]

Namun, tawakal perlu diiringi dengan usaha. Sebelum bertawakal, seseorang yang hendak berkahwin itu hendaklah berusaha sehabis tenaga untuk memastikan kejayaan perkahwinannya. Segala kelengkapan untuk menghadapi masalah dan cabaran alam rumah tangga perlu disediakan dan apabila telah sempurna, bertawakallah!

Selamat Pengantin Baru

Akhirnya, tibalah masa untuk mendirikan rumah tangga. Kad-kad jemputan telah siap dikirim kepada kaum kerabat, sahabat handai, teman taulan, jiran tetangga, dan sebagainya. Khemah-khemah walimah telah terpacak di halaman rumah. Juadah sedia terhidang hanya menanti untuk dijamu. Kompang tidak lama lagi akan dipalu. Akad nikah hanya menunggu detik untuk berlangsung; dan dua jiwa hanya menunggu saat untuk bersatu.

Selamat pengantin barulah diucapkan kepada sahabat-sahabat yang bakal mendirikan rumah tangga. Selamatlah hingga ke anak cucu!

Sebelum sebuah istana berdiri megah di bawah naungan rahmat Ilahi bertiangkan keimanan dan ketakwaan dan disinari dengan *mawaddah* dan kasih, izinkan kami memberi beberapa kata-kata penutup.

Bertenang, bertenang, usah gemuruh, insya-Allah, tanganmu pasti akan menyentuh tangannya! Ambil masa sejenak, tatapi mafhum firman Tuhan yang telah menciptakan takdir dan jodoh bagi setiap insan ini:
Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat)-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. [Surah al-Rum; ayat ke-21]

Allah menciptakan matahari dan diciptakan-Nya rembulan. Allah menciptakan langit dan diciptakan-Nya bumi. Allah menciptakan tanah daratan dan diciptakan-Nya lautan. Allah menciptakan manusia, lelaki dan diciptakan-Nya perempuan. Berpasang-pasangan. Dengan sebuah akad, dua hamba Allah yang sebelum ini saling berjauhan bagaikan dari dua benua yang berbeza kini disatukan di dalam satu mahligai kasih.

Perkahwinan dalam Islam bukan sahaja mengikat antara dua insan dengan jalinan *mawaddah* dan kasih sayang untuk kehidupan mereka di dunia malah untuk kehidupan abadi di akhirat. Cinta yang terpendam secara fitrah dalam hati-hati manusia diluahkan secara hakiki dan sejati bersama pasangan masing-masing; bukan secara palsu dan dusta sebagaimana yang dicanangkan oleh budaya dan peradaban Barat. Oleh sebab itulah, tidak wujud cinta dalam Islam melainkan cinta yang terbina di atas akad yang sah.

Rasulullah SAW diriwayatkan bersabda:

لَمْ يُرَ لِلْمُتَحَابَّيْنِ مِثْلَ النِّكَاحِ.

Tidak dilihat (sesuatu yang dapat mengubati masalah cinta)[84] *bagi dua orang pasangan yang sedang berkasih-kasihan yang dapat menyamai pernikahan.*[85]

Bagaimana jadinya bulan tanpa cahaya matahari, bumi tanpa dibumbungi langit, darat tanpa dikelilingi lautan, maka begitu jugalah rupa seorang pemuda tanpa isteri di sisi dan begitulah juga seorang gadis tanpa suami menemani!

---

[84] Rujukan: Faidh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Shaghir oleh al-Manawi, jil. 5, hal. 376.

[85] Diriwayatkan oleh Ibnu Majah (1847) dan al-Hakim (2677). Disahihkan oleh al-Albani.

Manusia secara fitrahnya memerlukan seseorang untuk disayangi, dicintai, dan dikasihi dan untuk menyayangi, mencintai, dan mengasihinya. Lelaki memerlukan perempuan dan perempuan memerlukan lelaki untuk saling melengkapi. Lantaran itu, mereka perlu bersama. Tiada perempuan dan lelaki di sisi bermakna tiada tempat untuk berkongsi rasa, bermanja, dan bermesra. Cacatlah diri dan tempanglah perjalanan kehidupan.

Oleh sebab itulah lelaki dan perempuan perlu disatukan dan tidak ada jalan yang lebih tepat dan benar untuk penyatuan ini melainkan jalan perkahwinan.

Kisah cinta yang direncana oleh al-Quran dan sunnah tidak berakhir dengan kematian mana-mana pasangan malah berlanjutan sehingga ke dalam syurga. Tidak pernahkah kita membaca firman-Nya:

هُمْ وَأَزْوَاجُهُمْ فِي ظِلَالٍ عَلَى الْأَرَائِكِ مُتَّكِئُونَ.

Mereka dan isteri-isteri mereka berada di bawah teduhan; duduk berteleku di atas pelamin.? [Surah Yasin; ayat ke-56]

Namun, mustahil untuk mendapat nikmat ini tanpa keimanan dan ketakwaan. Allah *ta'ala* berfirman:

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ. جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ.

Dan orang-orang yang bersabar kerana mengharapkan wajah Tuhan mereka, mendirikan solat, mendermakan sebahagian daripada apa yang telah Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi atau terang-terangan, dan menolak kejahatan dengan cara yang baik, bagi merekalah sebaik-baik balasan; iaitu syurga yang kekal yang akan dimasuki oleh mereka dan orang-orang yang soleh dari kalangan ibu bapa, isteri-isteri, dan anak-pinak mereka; dan

malaikat masuk kepada mereka dari setiap pintu. [Surah al-Ra'd; ayat ke-23]

Oleh sebab itu, sematlah azam dalam dada untuk bersungguh-sungguh membina sebuah keluarga berlandaskan nilai-nilai Islam yang sempurna. Berusahalah untuk membawa diri sendiri dan ahli keluarga memasuki syurga dengan sehabis daya upaya. Jangan biarkan isteri dan anak-anak yang sangat dikasihi dibakar dalam neraka.

Sebelum buku ini ditutup, istimewa untuk bakal-bakal suami, bacalah beberapa kalimat yang kami nukilkan sebagai bekalan untuk perjalanan panjang kalian;

Saudara sekejap lagi akan menjadi seorang suami iaitu orang yang memimpin isterimu. Akan terpikul di atas pundak saudara tanggungjawab yang amat besar. Ditaklifkan kepada saudara amanah untuk menjaga seorang wanita. Akan diserahkan dirinya kepadamu untuk dididik, diasuh, dan dibimbing. Hasrat ayahanda dan bondanya juga dirinya sendiri untuk bahagia bukan untuk sesaat tetapi untuk selama-lamanya.

Maka, hiduplah bersamanya dengan pergaulan yang dapat membahagiakan hatinya. Memang, kadang-kadang perempuan itu menyakitkan hati. Tutur kata mereka tidak semanis senyumnya. Justeru, ingatlah pesan Allah:

...وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِن كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَن تَكْرَهُواْ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا.

Dan bergaullah dengan mereka secara baik. Maka, sekiranya kalian merasa benci kepada mereka (bersabarlah) kerana boleh jadi kamu membenci sesuatu sedangkan Allah hendak menjadikan padanya kebaikan yang banyak. [Surah al-Nisa'; ayat ke-19]

Perempuan adalah perempuan dan lelaki adalah lelaki. Masing-masing membawa perwatakan tersendiri. Fahamilah wanita supaya saudara tidak lekas marah dan bosan dengan karenah isteri nanti.

Rasulullah SAW pernah bersabda:

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ أَعْلاَهُ فَإِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ...

Berpesan-pesanlah kalian tentang (hak-hak) perempuan kerana perempuan itu diciptakan daripada tulang rusuk. Sesungguhnya benda yang paling bengkok pada tulang rusuk adalah yang paling atas. Sekiranya engkau cuba meluruskannya, pasti engkau akan mematahkannya dan sekiranya engkau meninggalkannya, tulang rusuk itu akan terus membengkok...[86]

Kesabaran manusia ada sempadannya. Saudara pun manusia. Apabila isteri membuat saudara marah, maka cubalah untuk bersabar. Jangan sesekali menghukum isteri; sekiranya hukuman itu didorong oleh nafsu amarah semata-mata. Hukuman terhadap isteri harus dijalankan menurut tatacara yang telah diajar oleh Islam sebagaimana yang terkandung dalam ayat al-Quran berikut:

... وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا.

… Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan nusyuz hendaklah kamu menasihati mereka, (jika mereka berdegil, maka) pulaukan mereka di tempat tidur, dan (jika mereka masih berdegil, maka) pukullah mereka. Maka, jika mereka taat kepada kalian, maka janganlah kalian mencari-cari jalan terhadap mereka (untuk memulau dan memukul mereka secara zalim). Sesungguhnya Allah maha tinggi lagi maha besar. [Surah al-Nisa'; ayat ke-34]

---

[86] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (3331) dan Muslim (3720).

Meskipun Islam membenarkan suami bertindak ke atas isteri kerana kesalahannya, pastikan tindakan yang dilakukan tidak melampau. Tujuan disyariatkan pemulauan dan pukulan itu adalah untuk mendidik dan menyelesaikan masalah suami isteri bukan untuk sebagai hukuman atau seksaan. Oleh sebab itulah, pukulan yang mencederakan dan menampar muka isteri dilarang dalam Islam.

Sabda Rasulullah SAW:

... فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبَرِّحٍ...

… Maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan (atau terlalu kuat; atau sangat menyakitkan)[87]*…*[88]

Sabda baginda SAW lagi sebagai jawapan kepada Mu'awiyah bin Haidah al-Qusyairi RA yang bertanya "apakah hak isteri seseorang daripada kami ke atas dirinya?":

تُطْعِمُهَا إِذَا أَكَلْتَ وَتَكْسُوهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ وَلاَ تَضْرِبْ الْوَجْهَ وَلاَ تُقَبِّحْ وَلاَ تَهْجُرْ إِلاَّ فِي الْبَيْتِ.

Hendaklah engkau memberi isterinya makan apabila ia makan dan memberikan kepada isterinya pakaian apabila ia

Insaf

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لأَهْلِى

Orang yang paling baik antara kalian adalah yang paling baik kepada keluarganya dan akulah yang paling baik antara kalian terhadap keluargaku.
[Al-Tirmidzi (3895) dan Abu Dawud (1977); disahihkan oleh al-Tirmidzi dan al-Albani]

---

[87] Rujukan: Fath al-Bari oleh Ibnu Hajar al-'Asqalani, jil. satu, hal. 86, dan Tuhfah al-Ahwadzi oleh al-Mubarakfuri. Jil 7, hal. 411.

[88] Diriwayatkan oleh Muslim (3009), al-Tirmidzi (1163), Ibnu Majah (1851), Ahmad (20714), dan Ibnu Hibban (1457). Riwayat Ibnu Hibban disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Dihasankan oleh al-Albani.

memakainya. Janganlah engkau menampar muka, mengatakan ‘semoga Allah menghodohkan rupa kamu’, dan janganlah engkau memulaunya kecuali di rumah.[89] [90]

Isteri ada harga diri. Isteri bukan barang yang boleh diperlakukan sesuka hati. Jagalah hatinya. Janganlah memukul dan menghinanya sehendak hati sedangkan apabila memerlukannya kita mendatanginya dan melepaskan nafsu kita bersamanya tanpa sedikit pun rasa bersalah!

Sabda Rasulullah SAW:

لاَ يَجْلِدُ أَحَدُكُمُ امْرَأَتَهُ جَلْدَ الْعَبْدِ ثُمَّ يُجَامِعُهَا فِي آخِرِ الْيَوْمِ.

Tidak boleh salah seorang antara kalian memukul isterinya seperti memukul hamba kemudian ia mendatanginya pada hujung harinya.[91]

Jauhilah perceraian selagi ada cara yang lain untuk menyelesaikan masalah rumah tangga. Sesungguhnya perkara halal yang paling dibenci oleh Allah adalah talak.[92] Jadi, untuk menyelesaikan pergaduhan suami isteri, jangan

---

[89] Iaitu tidak memulaunya dengan berpindah atau memindahkannya ke tempat lain. Rujukan: ‘Aun al-Ma’bud oleh al-‘Adzim Abadi, jil 6, hal. 181.

[90] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (2144), Ibnu Majah (1850), Ahmad (20028), dan al-Hakim (2724). Riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban dihasankan oleh Syu’aib al-Arna’uth. Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi. Disahihkan oleh al-Albani.

[91] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (5204). Diriwayatkan juga dengan lafaz lain daripada Muslim (7370), al-Tirmidzi (3343), Ibnu Majah (1983), dan Ahmad (16267).

[92] Merupakan mafhum hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud (2180), Ibnu Majah (2018), dan al-Hakim (2794). Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi. Didha’ifkan oleh al-Albani. Wallahua’lam.

tergesa-gesa memilih talak. Kaedah yang patut didahulukan adalah seperti yang ditunjukkan dalam ayat al-Quran:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا.

Dan sekiranya kamu bimbangkan perceraian antara kedua-duanya maka utuskan seorang orang tengah daripada keluarga lelaki dan seorang lagi daripada keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu hendak mendamaikan, pasti Allah akan memperbaik hubungan antara kedua-duanya. Sesungguhnya Allah sentiasa amat mengetahui lagi maha mendalam pengetahuan-Nya. [Surah al-Nisa'; ayat ke-35]

Saudara, senangkanlah hati isteri sebagaimana saudara senang ia menyenangkan hati saudara. Tidak salah seorang suami bermain-main dan bergurau senda dengan isterinya asal sahaja tidak berlebih-lebihan. Rasulullah SAW dan para sahabat RA pun selalu bermesra dengan isteri-isteri mereka. Meninggalkan isteri tanpa diajak bermesra tanpa apa-apa sebab menyalahi jalan hidup Nabi SAW. Isteri mempunyai bahagian daripada kehidupan suami yang perlu diberikan kepadanya.

'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash RA pernah berpuasa pada setiap hari dan beribadat pada setiap malam. Rasulullah SAW pun bersabda kepadanya:

فَلاَ تَفْعَلْ صُمْ وَأَفْطِرْ وَقُمْ وَنَمْ فَإِنَّ لِجَسَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَإِنَّ لِعَيْنِكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَإِنَّ لِزَوْجِكَ عَلَيْكَ حَقًّا.

Maka, jangan engkau lakukan (perkara itu) lagi. Hendaklah engkau berpuasa kemudian berbuka (tidak berpuasa pada setiap hari); dirikan solat malam kemudian tidur kerana sesungguhnya tubuh dan matamu mempunyai hak ke atas

dirimu dan sesungguhnya isterimu juga mempunyai hak ke atas dirimu.[93]

Islam sebagai agama fitrah dan syumul memahami bahawa seorang lelaki itu memerlukan isteri dan anak-anak untuk menghiburkan hati. Menjauhi perkahwinan seperti yang terdapat dalam agama Kristian dan Buddha tidak terdapat dalam ajaran Islam. Falsafah kerahiban yang bercanggah dengan naluri insani ini ditolak oleh Islam.

Rasulullah SAW diriwayatkan pernah bersabda:
تَزَوَّجُوا فَإِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُم الأُمَمَ يَومَ القِيَامَةِ وَلَا تَكُونُوا كَرَهْبَانِيَّةِ النَصَارَى.
Berkahwinlah kalian kerana aku (ingin menjadi nabi yang mempunyai) umat yang paling ramai dengan kamu pada hari kiamat dan janganlah kalian menjadi seperti rahib-rahib Nasrani.[94]

Sebagaimana yang telah diingatkan, keluasan Islam dalam hal ini hendaklah diambil secara sederhana dan tidak berlebih-lebihan sehingga melalaikan tujuan dan matlamat utama kehidupan iaitu sebagai hamba Allah.

Firman Allah *ta'ala*:
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ.
Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kalian dilalaikan oleh harta benda dan anak-anak kalian daripada mengingati Allah. Barang siapa melalukannya maka merekalah orang-orang yang rugi. [Surah al-Munafiqun; ayat kesembilan]

---

[93] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (1975). Diriwayatkan juga oleh Muslim (2800), al-Nasa'i (2401) dan Ahmad (6867) dengan bentuk lain.
[94] Diriwayatkan oleh al-Baihaqi (13235) dan dinilai oleh al-Albani sebagai hasan bi al-syawahid. Wallahua'lam.

Bakal-bakal suami juga perlu menginsafi diri bahawa mereka akan menjadi pemimpin keluarga yang bukan sahaja bertanggungjawab terhadap makan minum, pakaian, dan keselamatan tubuh badan isteri dan anak-anak, malah agama mereka. Didiklah mereka untuk melaksanakan kewajipan seperti solat dan puasa dan tegah mereka daripada melakukan perkara-perkara haram seperti mengumpat dan mendedahkan aurat.

Insaf

Ibnu 'Umar RA berkata:

أَدِّبِ ابْنَكَ فَإِنَّكَ مَسْئُولٌ عَنْ وَلَدِكَ مَاذَا أَدَّبْتَهُ وَمَاذَا عَلَّمْتَهُ وَإِنَّهُ مَسْئُولٌ عَنْ بِرِّكَ وَطَوَاعِيَتِهِ لَكَ

Didik anakmu kerana sesungguhnya engkau akan ditanya tentangnya: apakah yang dididik dan diajar olehmu kepadanya? Sedangkan ia pula akan ditanya tentang kebaikan dan ketaatannya yang ia lakukan kepadamu.
[Al-Sunan al-Kubra oleh al-Baihaqi (3877)]

Firman Allah *ta'ala* (mafhumnya):
Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri dan ahli keluarga kalian daripada api neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu (berhala)… [Surah al-Tahrim; ayat keenam]

Firman-Nya lagi:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا...

Dan perintahkan keluargamu[95] *untuk mengerjakan solat dan hendaklah engkau tekun mengerjakan solat itu…* [Surah Thaha; ayat ke-132]

[95] Ayat ini ditujukan kepada Nabi SAW. Seluruh umat baginda termasuk dalam keumumannya. [Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an oleh al-Qurthubi, jil. 11, hal. 263]

Amar makruf nahi mungkar adalah wajib lebih-lebih lagi kepada keluarga sendiri. Apabila ada perkara salah mereka lakukan, maka, kita sebagai pemimpin rumah tangga wajib menegur. Sesungguhnya kelak Allah akan bertanya kepada setiap pemimpin tentang pimpinannya; adakah amanah itu dijaga atau disia-siakan? Sehinggalah lelaki ditanya tentang keluarganya.[96]

Sekian.

Istimewa pula buat bakal isteri kami gubahi beberapa sejambak kalam;

Saudari, diam yang menjadi jawapan saudari pada hari-hari yang lalu telah membawa saudari ke gerbang perkahwinan. Selangkah dua di hadapan saudari adalah alam baharu yang tidak pernah saudari lalui sebelum ini. Dalam alam ini, saudari bergelar seorang isteri yang perlu taat dan patuh kepada seorang suami, melayaninya dengan baik, menjaga rumahnya, dan sebagainya. Diharapkan alam baharu saudari ini menjadi alam bahagia yang fana menuju alam bahagia yang abadi.

Saudari, telah Allah wajibkan kepada para isteri supaya taat kepada suami sebagaimana seorang anak wajib taat kepada orang tua dan sebagaimana seorang rakyat wajib patuh kepada pemimpinnya. Kewajipan mentaati suami dan

---

[96] Mafhum hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban (4493), al-Nasa'i dalam al-Sunan al-Kubra (9174) dan 'Asyrah al-Nisa' (7932). Syu'aib al-Arna'uth menilai riwayat Ibnu Hibban dengan katanya: rawi-rawinya rawi al-Syaikhan tetapi mursal. Sekian kata-kata Syu'aib al-Arna'uth. Sebahagian matan riwayat Ibnu Hibban diriwayatkan dengan sanad lain yang disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Dihasankan oleh al-Albani.

haramnya menderhakai suami telah digambarkan melalui sabda yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

... لَوْ كُنْتُ آمِرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لأَحَدٍ لأَمَرْتُ النِّسَاءَ أَنْ يَسْجُدْنَ لأَزْوَاجِهِنَّ لِمَا جَعَلَ اللَّهُ لَهُمْ عَلَيْهِنَّ مِنَ الْحَقِّ.

Kalaulah aku telah menyuruh seseorang untuk sujud kepada seseorang yang lain, pasti sudah aku suruh perempuan-perempuan untuk sujud kepada suami-suami mereka disebabkan besarnya hak yang diberikan oleh Allah kepada mereka.[97]

Suami saudari adalah orang yang bertanggungjawab ke atas makan minum, pakaian, dan tempat tinggal saudari. Jadi, janganlah dipandang remeh perbuatan derhaka kepadanya. Lebih-lebih lagi, saudari telah bersetuju untuk menyerahkan hidup untuk dikongsi bersamanya.

Insaflah, suami saudari memerlukan saudari untuk bahagia. Dengan perbuatan derhaka saudari, sudah tentu ia akan tertekan, hidupnya akan terseksa. Aduh, menyesalnya aku berkahwin dengan perempuan ini. Jangan biarkan bisikan ini muncul dari hatinya.

Sebagai contohnya, saudari tidak ingin melayani suami saudari sedangkan ia memerlukan layanan saudari untuk menenangkan gelora syahwatnya sebagai seorang pemuda. Sudah tentu ia akan menderita. Bersusah-payah ia mengahwini saudari, kemudian, mencari nafkah untuk menyara kehidupan saudari, tapi, beginikah sikap saudari terhadapnya?

---

[97] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (2142). Sebahagiannya diriwayatkan oleh al-Tirmidzi (1159), Ibnu Majah (1853), Ahmad (19422), dan al-Hakim (2763). Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi. Diriwayatkan juga oleh Ibnu Hibban dengan lafaz lain. Disahihkan oleh al-Albani dan Syu'aib al-Arna'uth.

Ingatlah sabda Rasulullah SAW:

إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ فَبَاتَ غَضْبَانَ عَلَيْهَا لَعَنَتْهَا الْمَلاَئِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ.

Apabila suami mengajak isterinya ke tempat tidur tetapi ia enggan sehingga suaminya itu tidur dalam keadaan marah, maka, malaikat akan melaknat isterinya itu sehingga ia bangun subuh.[98]

Andai kata saudari telah terlanjur melakukan *nusyuz* maka hendaklah dengan segera meminta maaf dan memohon reda daripadanya. Berazamlah untuk tidak mengulanginya lagi. Semoga suami saudari memaafkan dan meredai saudari kembali; sehingga mudah untuk mencapai maghfirah dan reda Allah.

Dengan riwayat lain, Rasulullah SAW bersabda:

وَالَّذِى نَفْسِى بِيَدِهِ مَا مِنْ رَجُلٍ يَدْعُو امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهَا فَتَأْبَى عَلَيْهِ إِلاَّ كَانَ الَّذِى فِى السَّمَاءِ سَاخِطًا عَلَيْهَا حَتَّى يَرْضَى عَنْهَا.

Demi (Allah) yang diriku berada dalam tangan-Nya, tidak ada seorang lelaki pun yang memanggil isterinya ke tempat tidur tetapi ia enggan kecuali yang berada di langit memarahinya sehingga suaminya itu reda kepadanya.[99]

Namun, sebesar mana pun hak seorang suami, ia tetap seorang manusia. Setinggi mana pun seorang manusia, ia tetap makhluk. Apabila perintah makhluk bercanggah dengan perintah Tuhan, perintah Tuhanlah yang perlu dipatuhi. Justeru, kewajipan seorang isteri untuk mentaati suaminya hanya dalam perkara-perkara yang harus. Apabila suami saudari menyuruh saudari melakukan apa-apa yang dilarang oleh agama, maka tidak ada sebarang ketaatan

---

[98] Diriwayatkan oleh al-Bukhari (3237), Muslim (3614), Abu Dawud (2143), dan Ahmad (10230).

[99] Diriwayatkan oleh Muslim (3613).

dalam perkara itu; bahkan, semestinya, saudari bangkit menentangnya kerana ia melanggar syariat Allah yang agung!

Rasulullah SAW diriwayatkan bersabda:

لاَ طَاعَةَ لِمَخْلُوقٍ فِي مَعْصِيَةِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam kemaksiatan kepada Allah ‘azzawajalla.[100]

Untuk membezakan antara yang harus dan yang dilarang, saudari perlukan ilmu. Jadi, bertungkus-lumuslah dalam mencari ilmu. Pergilah bersama-sama suami menghadiri kuliah-kuliah agama. Banyakkan membaca buku-buku dan mendengar ceramah-ceramah agama. Banyakkan bertanya ustazah-ustazah jika terdapat kemusykilan. Jangan biarkan hidup dilitupi kejahilan sehingga saudari tidak dapat melihat cahaya Islam yang terang-benderang sebagai mantari hidup!

> **Insaf**
>
> ... أَفْضَلُهُ لِسَانٌ ذَاكِرٌ وَقَلْبٌ شَاكِرٌ وَزَوْجَةٌ مُؤْمِنَةٌ تُعِينُهُ عَلَى إِيمَانِهِ
>
> Sebaik-baiknya (harta) adalah lidah yang berzikir, hati yang bersyukur, dan isteri yang beriman yang membantunya (suami untuk menjaga) imannya.
> [Al-Tirmidzi (3045) disahihkan oleh al-Albani]

Sebelum kami akhiri bicara kami, hayatilah sebuah nasyid legenda oleh kumpulan The Zikr yang kami salin khas buat saudari:

Isteri cerdik yang solehah,

---

[100] Diriwayatkan oleh Ahmad (1095). Riwayat Ahmad disahihkan oleh Syu’aib al-Arna’uth. Disahihkan oleh al-Albani.

penyejuk mata,
penawar hati,
penajam fikiran.
Di rumah ia isteri,
di jalanan kawan.
Di waktu kita buntu ia penunjuk jalan.
Pandangan kita diperteguhkan,
Menjadikan kita tetap pendirian.
Ilmu yang diberi dapat disimpan.
Kita lupa ia mengingatkan.
Nasihat kita dijadikan pakaian,
silap kita dia betulkan,
penghibur di waktu kesunyian,
terasa damai bilai bersamanya.
Dia umpama tongkat si buta,
Bila tiada satu kehilangan.
Dia ibarat simpanan ilmu,
Semoga kekal untuk diwariskan.[101] [102]

Sekian.

Satu, dua, tiga…

"Aku terima nikahnya si fulanah binti fulan dengan mas kahwin yang tersebut, tunai."

Apa, dah kahwin?!

Tahniah! Tahniah! Tahniah! Kami ucapkan:

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِى خَيْرٍ.

Semoga Allah memberkatimu (pada isterimu) dan memberi keberkatan ke atasmu (dalam menyara isterimu dan

---

[101] Lirik lagu 'Isteri Solehah' oleh The Zikr.
[102] Sila rujuk nota kaki no. 7. Wallahua'lam.

memudahkannya kepadamu;) dan menghimpunkan kalian berdua dalam kebaikan.[103] [104]

Selamat pengantin baru!!

---

[103] Rujukan: Faidh al-Qadir oleh al-Manawi, jil. satu, hal. 406.
[104] Diriwayatkan oleh Abu Dawud (2132), al-Tirmidzi (1091), Ibnu Majah (1905), Ahmad (8943), dan al-Hakim (2745). Sebahagiannya diriwayatkan oleh Ibnu Hibban (4052). Al-Tirmidzi mensahihkan riwayatnya. Riwayat al-Hakim disahihkan oleh al-Dzahabi. Riwayat Ibnu Hibban dihasankan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Disahihkan oleh al-Albani.

Rujukan

Di sini, kami nyatakan maklumat tentang kitab rujukan yang dinyatakan dalam buku ini. Sebenarnya, terdapat banyak rujukan lain yang digunakan sepanjang penulisan ini yang tidak dicatatkan di sini seperti kitab terjemahan al-Quran, *i'rab* al-Quran, kamus Arab-Melayu, dan sebagainya kerana dirasakan terlalu banyak dan tidak terlalu penting bagi pembaca.

Kitab-kitab yang telah menjadi rujukan kami adalah dalam bentuk buku dan dalam bentuk elektronik. Kitab dalam bentuk elektronik seperti Portable Document Format (PDF) dan versi perisian komputer al-Maktabah al-Syamilah 3.35 mungkin berbeza daripada kitab yang asal.

1. Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an oleh al-Qurthubi, cetakan ketiga tahun 1423 H, Dar 'Alam al-Kutub, al-Riyadh.
2. Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an oleh al-Thabari, cetakan pertama tahun 1420 H, Mu'assasah al-Risalah.
3. Tafsir al-Qur'an al-'Adzhim oleh Ibnu Katsir, cetakan kedua tahun 1420 H, Dar Thayyibah.
4. Tafsir al-Jalalain oleh al-Mahalli dan al-Sayuthi, cetakan pertama tahun 1425, Maktabah al-Shafa.
5. Tafsir Ibnu Abi Hatim oleh Ibnu Abi Hatim, tanpa keterangan cetakan, Dar al-'Ashriyyah.
6. Adhwa' al-Bayan fi Idhah al-Qur'an bi al-Qur'an oleh al-Syanqithi, cetakan tahun 1415 H, Dar al-Fikr, Beirut.
7. Rawa'i' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an oleh Muhammad 'Ali al-Shabuni, tanpa keterangan cetakan, Dar al-Fikr.
8. Al-Jami' al-Shahih oleh al-Bukhari, cetakan pertama tahun 1408 H, Dar al-Sya'b, Beirut.

9. Al-Jami’ al-Shahih al-Musamma Shahih Muslim oleh Muslim, tanpa keterangan cetakan, Dar al-Jil dan Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut.
10. Sunan Abu Dawud oleh Abu Dawud, tanpa keterangan cetakan, Dar al-Kutub al-‘Arabi, Beirut.
11. Al-Jami’ al-Shahih Sunan al-Tirmidzi oleh al-Tirmidzi, tanpa keterangan cetakan, Dar Ihya’ al-Turats al-‘Arabi.
12. Al-Mujtaba min al-Sunan oleh al-Nasa’i, cetakat kedua tahun 1406 H, Maktab al-Mathbu’at al-Islamiyyah, Halab.
13. Sunan Ibnu Majah oleh Ibnu Majah, tanpa keterangan cetakan, Maktabah Abu al-Ma’athi.
14. Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal oleh Ahmad ibn Hanbal, tanpa keterangan cetakan, Mu’assasah Qurthubah, Kaherah.
15. Al-Mustadrak ‘ala al-Shahihain oleh al-Hakim, cetakan pertama tahun 1411 H, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
16. Shahih Ibnu Hibban bi Tartib Ibn Balban oleh Ibn Hibban, cetakan kedua tahun 1414 H, Mu’assasah al-Risalah, Beirut.
17. Shahih Ibnu Khuzaimah oleh Ibnu Khuzaimah, cetakan tahun 1390 H, al-Maktab al-Islami, Beirut.
18. Syu’b al-Iman oleh al-Baihaqi, cetakan pertama tahun 1423 H, Maktabah al-Rusyd, Riyadh.
19. Al-Sunan al-Nasa’i al-Kubra oleh al-Nasa’i, cetakan pertama tahun 1411 H, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
20. Sunan Sa’id ibn Manshur oleh Sa’id ibn Manshur, tanpa keterangan.
21. Mushannaf Ibnu Abi Syaibah, tanpa keterangan cetakan, Dar al-Qiblah.
22. Mushannaf ‘Abd al-Razzaq oleh ‘Abd al-Razzaq al-Shan’ani, cetakan kedua tahun 1403 H, al-Maktab al-Islami, Beirut.
23. ‘Isyrah al-Nisa’ oleh al-Nasa’i, tanpa keterangan.
24. Al-Marasil oleh Abu Dawud, cetakan pertama tahun 1408, Mu’assasah al-Risalah, Beirut.

25. Fath al-Bari Syarh Shahih al-Bukhari oleh Ibnu Hajar al-‘Asqalani, cetakan tahun 1389 H, Dar al-Ma’rifah, Beirut.
26. Al-Minhaj Syarh Shahih Muslim ibn al-Hajjaj oleh al-Nawawi, cetakan kedua tahun 1392 H, Dar Ihya’ al-Turasts al-‘Arabi, Beirut.
27. Ikmal al-Mu’lim Syarh Shahih Muslim oleh al-Qadhi ‘Iyadh, tanpa keterangan.
28. ‘Aun al-Ma’bud Syarh Sunan Abu Dawud oleh al-‘Adzhim Abadi, cetakan kedua tahun 1388 H, al-Maktabah al-Salafiyyah, Madinah.
29. Tuhfah al-Ahwadzi bi Syarh Jami’ al-Tirmidzi oleh al-Mubarakfuri, tanpa keterangan.
30. Nail al-Authar Syarh Muntaqa al-Akhbar min Ahadits Sayyid al-Akhbar oleh al-Syaukani, cetakan tahun 1426 H, Dar al-Hadits, Kaherah.
31. Faidh al-Qadir Syarh al-Jami’ al-Shaghir oleh al-Manawi, cetakan pertama tahun 1415 H, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
32. Fath al-Ghaffar al-Jami’ li Ahkam Sunnah Nabiyyina al-Mukhtar oleh al-Ruba’i, cetakan pertama tahun 1427 H, Dar ‘Alam al-Fawa’id.
33. Al-Umm oleh al-Syafi’i, cetakan kedua tahun 1393 H, Dar al-Ma’rifah, Beirut.
34. Al-Hawi al-Kabir oleh al-Mawardi, tanpa keterangan cetakan, Dar al-Fikr, Beirut.
35. Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madzhab al-Imam al-Syafi’i oleh Musthafa al-Khin, Mushthafa al-Bugha, dan ‘Ali al-Syarabji, cetakan kesembilan, Dar al-Syamiah, Beirut.
36. Al-Fiqh ‘ala Madzahib al-Arba’ah oleh ‘Abd al-Rahman al-Jaziri, tanpa keterangan.
37. Siyar al-A’lam al-Nubala’ oleh al-Dzahabi, tanpa keterangan cetakan, Mu’assasah al-Risalah.
38. Lisan al-‘Arab oleh Ibnu Mandzhur, cetakan pertama tanpa keterangan tahun, Dar Shadir, Beirut.

39. Ihya' 'Ulum al-Din oleh al-Ghazali, tanpa keterangan cetakan, al-Maktabah al-Taufiqiyyah, Kaherah.
40. Jila' al-Afham fi Fadhl al-Shalah 'ala Khair al-Anam oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah, cetakan kedua tahun 1407 H, Dar al-'Arubah, Kuwait.
41. Ayyuha al-Walad oleh al-Ghazali, cetakan ketiga tahun 1429 H, Dar al-Salam.
42. Mas'uliyyah al-Tarbiyyah al-Jinsiyyah min Jihah Nadzhar al-Islam oleh 'Abdullah Nashih 'Ulwan, tanpa keterangan cetakan, Dar al-Salam.
43. 'Aqabat al-Zawaj wa Thuruq Mu'alajatiha 'ala Dhau' al-Islam oleh 'Abdullah Nashih 'Ulwan, Dar al-Salam.
44. Muhadharat fi al-'Aqidah wa al-Da'wah oleh Shalih bin Fauzan, cetakan pertama tahun 1422 H, Dar al-'Ashimah.
45. Quran Saintifik oleh Dr. Danial Zainal Abidin, cetakan keenam tahun 2008 M, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kami tak nak bercinta, Tak nak 'couple', Tak nak buat maksiat, Kami cuma nak kahwin!

Dimulakan dengan bab Isy, Dahsyatnya Umatku, pembaca akan dibawa kepada permasalahan sosial yang menimpa muda-mudi dan persoalan perkahwinan sebagai penyelesaiannya. Dalam bab Tapi..., kami bincangkan perkara-perkara yang menghalang pelaksanaan penyelesaian itu.

Seterusnya, kami gagaskan penyelesaian kepada setiap halangan tadi dalam bab Tiada Alasan Lagi!; disusuli dengan perbincangan tentang kesan yang akan berlaku sekiranya cadangan tersebut diterima atau ditolak dalam bab Kalau... Untuk mengelakkan kekeliruan tentang hukum perkahwinan yang asal akibat gesaan kami, kami huraikan masalah ini menurut mazhab-mazhab fikah terutamanya mazhab al-Syafi'i dalam bab Bukan Semuanya Sama.

Dalam bab Tunggu Dulu! pula kami nyatakan persediaan-persediaan sebelum perkahwinan. Akhirnya, kami sudahi buku ini dengan bab Selamat Pengantin Baru yang kami isi dengan nasihat-nasihat untuk bakal-bakal suami dan isteri.

PERMATA
1999
CEMERLANG MAJU GEMILANG